

LAPORAN TAHUNAN
2017
ANNUAL REPORT



MELANGKAH LEBIH JAUH

DEMI KEPENTINGAN ANDA

GOING FURTHER TO SERVE YOU BETTER

KANDUNGAN

CONTENTS

2	Seimbias Lalu At a Glance	12	Anugerah dan Pengiktirafan Awards and Recognitions
4	Visi dan Misi Vision and Mission	14	Carta Organisasi Organisation Chart
5	Nilai-Nilai Murni Core Values	18	Kenyataan Pengerusi Chairman's Statement
6	Piagam Pelanggan Clients' Charter	30	Lembaga Pengarah Board of Directors
7	Struktur Korporat Corporate Structure	32	Profil Lembaga Pengarah Board of Directors' Profile
8	Profil Korporat Corporate Profile	44	Jawatankuasa Syariah Shariah Committee

RASIONAL KULIT COVER RATIONALE



Penggunaan kerajang perak dalam reka bentuk kami membawakan kelainan dan mencerminkan tumpuan terhadap kecemerlangan. Ia memberikan sentuhan moden dan unik yang membezakan BSN daripada bank-bank lain dalam industri perbankan. Ia turut menggambarkan kesungguhan BSN untuk melancarkan strategi baru yang dinamik melalui inovasi, bagi mencapai kebolehcapaian, kemudahan dan kecemerlangan perkhidmatan dalam persekitaran yang mencabar.

The use of the silver foil effect at the heart of this design creates distinction and reflect a focus on excellence. It creates a modern and unique look to set BSN apart from the rest in the banking industry. It sends the message that amidst the generally challenging environment, BSN is launching dynamic new strategies to advance accessibility, convenience and service excellence through innovation.

2017

LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

BANK SIMPANAN NASIONAL

www.mybsn.com.my

48 **Pengurusan**
Management

54 **Pencapaian Peranan Pembangunan/
Dimandatkan**
Development/Mandated Achievements

57 **Tinjauan Strategik**
Strategic Outlook

60 **Laporan Aktiviti**
Activity Report

72 **Sorotan Media**
Media Highlights

76 **Penyata Tadbir Urus Korporat**
Statement on Corporate Governance

82 **Penyata Pengurusan Risiko**
Statement on Risk Management

86 **Kenyataan Audit Dalaman**
Internal Audit Statement

87 **Laporan Jawatankuasa
Syariah**
Shariah Committee Report

90 **Penyata Kewangan**
Financial Statements

SEIMBAS LALU



RM1.92

bilion billion

**HASIL
REVENUE**



RM1.41

bilion billion

**PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME**



RM24.88

bilion billion

**DEPOSIT DAN SIMPANAN
DEPOSITS AND SAVINGS**



RM218.08

juta million

**KEUNTUNGAN SEBELUM
CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT BEFORE TAX
AND ZAKAT**



RM171.5

juta million

**KEUNTUNGAN SELEPAS
CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX
AND ZAKAT**

AT A GLANCE



743

MESIN TELLER AUTOMATIK
AUTOMATIC TELLER
MACHINES



406

MESIN DEPOSIT TUNAI
CASH DEPOSIT MACHINES



402

**CAWANGAN DI
SELURUH NEGARA**
BRANCHES NATIONWIDE



123

MESIN JURUWANG MAYA
VIRTUAL TELLER MACHINES



5,682

**EJEN BANK BSN
(EB BSN)**
BSN BANKING AGENTS
(EB BSN)



**LEBIH OVER
6,000**

KAKITANGAN
EMPLOYEES



Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan No Malaysian Left Behind

Di BSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

- Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif. 
- Menggalakkan dan menggembleng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan-penyimpan kecil. 
- Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan. 
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara. 



Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

- Providing the means for savings and investments by the general public with a comprehensive range of banking services. 
- Promoting and mobilising savings, particularly from small savers. 
- Inculcating the habit of thrift and savings. 
- Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation. 






Di BSN, cara kerja dan kelakuan/tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

NILAI-NILAI MURNI


CORE VALUES



KOMITED COMMITTED

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.


We are committed to excellence in all that we do.



CERDAS & TANGKAS AGILE

Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.


We anticipate market trends and leverage on opportunities.



MENGHORMATI RESPECTFUL

Kami hargai kepelbagaian dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.



BERETIKA ETHICAL

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

PIAGAM PELANGGAN

CLIENTS' CHARTER

**BSN komited
sepenuhnya dalam menyediakan
perkhidmatan dan produk
berkualiti tinggi yang patut
diterima oleh setiap warga
Malaysia.**

Piagam kami adalah:

- ➔ Pelanggan adalah keutamaan kami.
- ➔ Menyediakan perkhidmatan yang memuaskan pelanggan kami dan sentiasa meyakinkan bank kami.
- ➔ Sentiasa konsisten dalam memberikan Produk dan Perkhidmatan berkualiti tinggi.
- ➔ Maklumat yang diberikan adalah jelas dan lengkap.
- ➔ Menyediakan persekitaran perbankan yang selesa dan selamat.

**BSN is totally committed to providing
you with the high quality service and
products that every Malaysian deserves.**

Our charter decrees:

- ➔ Customers are our main priority.
- ➔ We will provide services that satisfy our customers and continuously instill confidence in our bank.
- ➔ We will consistently deliver Products and Services of high quality.
- ➔ We will deliver information that is clear and sufficient.
- ➔ We will provide a safe and comfortable banking environment.

STRUKTUR KORPORAT

CORPORATE STRUCTURE



BSN

100%

PERMODALAN
BSN BERHAD

51%

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL BHD.

41.34%

BSNC CORPORATION
(M) BERHAD

30%

GIBRALTAR BSN
HOLDINGS
SDN. BHD.

100%

BSNC LEASING (M)
SDN. BHD.

100%

GIBRALTAR BSN
LIFE BERHAD

Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/
Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2017

BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies
as at 31 December 2017



Bank Simpanan Nasional merupakan suatu cara baharu dalam usaha kita untuk menanam tabiat berjimat cermat supaya rakyat akan lebih digalakkan untuk menyimpan wang mereka. Ia akan mengekalkan standard tinggi Bank Simpanan Pejabat Pos dan pada masa yang sama, membawa beberapa perubahan mengikut aliran masa kini. Saya harap dengan pelancaran Bank Simpanan Nasional hari ini, ia akan membangun sebagai sebuah institusi simpanan utama dan akan mengembangkan kempen menyimpan kerajaan, satu langkah mengawal inflasi dan mempercepatkan proses pembangunan negara.

Oleh itu, Bank Simpanan Nasional mempunyai peranan penting dalam kehidupan rakyat dan Pembangunan Negara.

- YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein



PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE



Bank Simpanan Nasional represents a new approach in our efforts to instill thrift so that the people will be encouraged to save their money. It will maintain the high standards of the Post Office Savings Bank and at the same time bring several changes in keeping with the present time.

I hope that with the launch of Bank Simpanan Nasional today, it will develop as a major savings institution and will expand the savings campaign of the government, an anti-inflationary move and quicken the pace of national development.

Therefore Bank Simpanan Nasional has an important role in the lives of the people and National Development.

- YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein



Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan salah sebuah institusi kewangan terulung negara dengan lebih 6,000 kakitangan merentasi 402 cawangan di seluruh negara, yang menawarkan perkhidmatan kepada lebih 9.2 juta rakyat Malaysia dengan deposit dan simpanan berjumlah RM24.88 bilion. Terkini, BSN mempunyai 743 mesin teller automatik, 407 mesin deposit tunai dan 5,682 ejen bank BSN (EB BSN) di seluruh negara (setakat 31 Disember 2017).

Sejarah penubuhan kami bermula pada lewat abad ke-19 apabila perkhidmatan Bank Simpanan mula dibuka di Perak dan Selangor. Bank-bank ini kemudian menjadi sebahagian daripada rangkaian Bank Simpanan Pejabat Pos negara yang seterusnya berkembang dengan 2.5 juta pendeposit menjelang tahun 1974 dan aset terkumpul berjumlah lebih RM537 juta.

Akta Bank Simpanan Nasional (Akta BSN) diperkenalkan pada 1974 bagi membolehkan peralihan kuasa pengurusan daripada Jabatan Perkhidmatan Pos kepada sebuah Lembaga Pengarah Bank yang membawa kepada penubuhan rasmi BSN pada 1 Disember 1974. BSN dilancarkan secara rasmi pada 5 Disember oleh YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Matlamat berterusan BSN adalah untuk menggalakkan amalan menyimpan dan melabur di kalangan semua lapisan rakyat Malaysia, ke arah mempertingkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat. Pada hari ini, kami meneruskan usaha tersebut dengan menawarkan lebih banyak produk, perkhidmatan dan kemudahan tersedia – sambil

memastikan akses mudah terutama untuk masyarakat luar bandar dan pedalaman.

Langkah penjenamaan semula secara menyeluruh yang dilaksanakan pada 2015 merupakan satu pembaharuan yang tepat pada waktunya selepas BSN menyambut ulangtahun ke-40. Transformasi imej yang lebih segar, moden dan mesra pelanggan dalam merealisasikan janji jenama BSN iaitu “Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik”. Penjenamaan semula merangkumi transformasi dari aspek fizikal dan falsafah, selain penambahbaikan dalam kualiti operasi dan perkhidmatan. Ini termasuk pengenalan Mesin Juruwang Maya (VTM) yang pertama di Malaysia pada Disember 2015, iaitu satu teknologi baharu di mana para pelanggan di cawangan yang sibuk boleh dilayani oleh juruwang bank dari cawangan yang kurang sibuk. Langkah ini dapat mendorong produktiviti dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Jenama BSN yang diperbaharui ini mencerminkan matlamat BSN dalam menyediakan satu platform bersepadu bagi perkhidmatan dan infrastruktur kewangan dengan akses mudah untuk para pelanggan, diperkasakan oleh pengurusan kewangan yang berhemah yang telah terbukti sekian lama. Dengan langkah inovatif dalam penyediaan peluang sama rata bagi setiap rakyat Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik, BSN terus meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia dengan memastikan bahawa “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan”.

Bank Simpanan Nasional (BSN) is one of the nation's leading financial institutions with over 6,000 employees across 402 branches nationwide, serving over 9.2 million Malaysians with deposits and savings amounting to RM24.88 billion. Currently, BSN has 743 automated teller machines, 407 cash deposit machines and 5,682 BSN banking agents (EB BSN) across the country (as at 31 December 2017).

Our roots date back to the late 19th century when the first Savings Bank service opened in Perak and Selangor. These banks soon became part of the country's Post Office Savings Bank network which grew to serve over 2.5 million depositors by 1974, with accumulated assets worth over RM537 million.

The Bank Simpanan Nasional Act (Akta BSN), was introduced in 1974 to enable the transfer of the management power from the Postal Services Department to a Board of Directors, which led to the official establishment of BSN on 1 December 1974. BSN was then officially launched on 5 December by YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, the Second Prime Minister of Malaysia.

BSN's objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life,

towards improving the economic welfare of all Malaysians. Today, we continue on our quest by offering even more products, services and ready facilities – ensuring easy access even for those living in rural or remote areas.

The holistic re-branding exercise in 2015 was a timely enhancement for BSN after 40 years; refreshing and transforming its image to a more modern and customer friendly bank that provides “A Better Life Within Your Reach”. The re-branding encompassed transformation of physical and philosophical aspects, as well as improvements in operations and service quality. This includes the introduction of Malaysia's first Virtual Teller Machines (VTM) in December 2015, pioneering a new advancement whereby customers at busy branches can be served by bank tellers from less busy branches. This drives productivity and increases customer satisfaction at the same time.

The refreshed BSN brand expresses BSN's aim to provide an easily accessible integrated platform of financial services and infrastructure for our customers, anchored in sound financial management that has withstood the test of time. By innovatively providing every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life, BSN continues to uplift the economic well-being of Malaysian, ensuring “No Malaysian is Left Behind”.

A photograph of a Mesra Pelanggan service center. In the foreground, a woman with long dark hair, wearing a dark blue short-sleeved shirt, is seen from the side, looking towards a service counter. Behind her, another person wearing a red hijab is partially visible. At the counter, a staff member wearing a blue uniform and a white hijab with a purple floral pattern is smiling and interacting with the customer. The counter is light-colored with a green base. The background features green walls and blue overhead signs with the numbers '5' and '6'.

Menyediakan Perkhidmatan Mesra Pelanggan Sejak 1974

Serving Malaysians with a Smile Since 1974



Tahun pertama BSN beroperasi selepas mengambil alih Bank Simpanan Pejabat Pos pada 1974, di mana telah menyelaraskan proses bagi mempertingkatkan kemudahan & perkhidmatan bagi pelanggan kami. Cawangan BSN telah ditubuhkan di bandar-bandar utama di seluruh negara, khususnya di kawasan yang tidak menempatkan sebarang cawangan Bank bagi terus memperkasakan aktiviti. Hari ini, kami terus berkhidmat untuk pelanggan kami menerusi 402 cawangan, 5682 ejen bank (EB BSN) di seluruh negara, dan deposit dan simpanan bersih berjumlah 24.88 bilion.

During the 1st year of BSN's operations after taking over the functions of the former Post Office Savings Bank in 1974, BSN had streamlined its processes in order to provide improved facilities & services to its customers. BSN has set up our own branch offices in major towns throughout the country especially where branch offices are not warranted to continue to mobilise savings. Today, we continue to serve our customers through 402 branches, 5,682 banking agents (EB BSN) nationwide and net deposits and savings of 24.88 billion.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

AWARDS AND RECOGNITIONS



1. Anugerah Karnival Kewangan 2017

Anugerah Rangkuman Kewangan Terbaik

'Karnival Kewangan' Award 2017

Best Financial Inclusion Award

2. Anugerah Karnival Kewangan 2017

Penyokong Sekolah Terbaik dalam Pendidikan Kewangan - Sekolah Menengah

'Karnival Kewangan' Award 2017

Best School Supporter in Financial Education - Secondary School

3. Anugerah Kancil 2017

BSN Siri Pengacau Raya

Anugerah Perak dalam Penggunaan Filem Terbaik

Kancil Awards 2017

BSN Pengacau Raya Series

Silver in Best Use of Film

4. Anugerah Kancil 2017

'BSN Kucing Happy Pindah'

Anugerah Perak Penggunaan Media Sosial Terbaik

Kancil Awards 2017

BSN Kucing Happy Pindah

Silver in Best Use of Social Media

5. Anugerah Kancil 2017

BSN Siri Pengacau Raya

Anugerah Gangsa Kandungan Jenama dan Hiburan Terbaik

Kancil Awards 2017

BSN Pengacau Raya Series

Bronze in Best Branded Content & Entertainment

6. Anugerah Kancil 2017

BSN Janji Papa

Anugerah Gangsa Penggunaan Pemasaran Secara Langsung Terbaik

Kancil Awards 2017

BSN Janji Papa

Bronze in Best Use of Direct Marketing





7. Anugerah Kancil 2017

'BSN Picatlines'
Anugerah Gangsa Penulisan Kreatif dan Penulisan Skrip

Kancil Awards 2017

BSN Picatlines
Bronze in Copywriting and Scriptwriting

8. Anugerah Kancil 2017

BSN Siri Pengacau Raya
Anugerah Perak Penggunaan Media Sosial Terbaik

Kancil Awards 2017

BSN Pengacau Raya Series
Bronze in Best Use of Social Media

9. Anugerah Karnival Kewangan 2017

Anugerah Rangkuman Kewangan

'Karnival Kewangan' Award 2017

Regional Award Financial Inclusion

10. Anugerah Kepimpinan bagi Daerah ASEAN Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Membasmi Kemiskinan ke-3, 2017

Ejen Bank Berdaftar (EB BSN)
Kategori Sektor Swasta


3rd ASEAN Rural Development and Poverty Eradication Leadership Award 2017

Ejen Bank Berdaftar (EB BSN)
Private Sector Category

CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART







Memberikan Lebih Banyak Kemudahan kepada Rakyat Malaysia

Providing Malaysians Greater Convenience



Pada 1983, BSN telah memperkenalkan perkhidmatan Mesin Juruwang Automatik (ATM) pertama di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Ipoh. Terminal Layan Diri* (SST) BSN menyediakan akses kemudahan 24 jam kepada rakyat Malaysia yang memerlukan perkhidmatan perbankan pantas, tanpa perlu beratur di cawangan bank. Transaksi perbankan kini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan setakat ini, BSN memiliki lebih 1,000 SST yang merangkumi 743 ATM, 406 CDM dan 123 VTM.

In 1983, BSN introduced the first Automated Teller Machine (ATM) service at Kuala Lumpur, Petaling Jaya and also Ipoh. BSN Self Service Terminals* (SSTs) provide 24 hours convenience and access to Malaysians who need quick and fast banking services, without queuing at branches. This banking transaction can be carried out at any time, on any day. To date, BSN has over 1,000 SSTs which comprise of 743 ATMs, 406 CDMs and 123 VTMs.

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Pengerusi,
Bank Simpanan Nasional

Chairman, Bank Simpanan Nasional

HASIL
REVENUE



RM1.92

bilion billion

Ekonomi Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 4.2 peratus pada tahun 2016.

The Malaysian economy has shown impressive growth of 5.9 percent in 2017, which was higher than 4.2 percent charted in 2016.

KENYATAAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Tahun ini adalah tahun ke-44 kami beroperasi sejak BSN ditubuhkan pada tahun 1974. Sepanjang lebih empat dekad, BSN telah meneruskan usahanya untuk memenuhi mandat yang diamanahkan oleh Kerajaan dengan menyediakan akses perbankan yang komprehensif serta menggalakkan amalan menabung terutama sekali di kalangan generasi muda dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, kami dengan berbesar hati melaporkan bahawa BSN sekali lagi telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan serta prestasi kewangan yang kukuh bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, didorong oleh situasi ekonomi negara yang sedang beransur pulih.

PERSPEKTIF EKONOMI

Pembangunan pasaran dan permintaan luar yang bertambah baik telah mendorong ekonomi global untuk terus berkembang sebanyak 3.8 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun 2016. Walaupun, faktor-faktor makro ekonomi terus kukuh, isu geopolitik kekal membimbangkan.

Ekonomi Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.9 peratus pada tahun 2017 berbanding 4.2 peratus pada tahun 2016. Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan dalam sektor swasta dan penambahan aktiviti dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Keadaan pasaran bertambah baik dengan pertumbuhan pendapatan yang konsisten dan eksport kekal kukuh berikutan permintaan global yang meningkat. Pengukuhan Ringgit turut mencerminkan ekonomi negara yang bertambah baik.

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present to you the Annual Report for Bank Simpanan Nasional (BSN) for the financial year ending 31 December 2017. This is our 44th year in operation since BSN was first established in 1974. Over the past four decades, the Bank has steadfastly fulfilled the mandate entrusted by the Government to provide access to comprehensive banking services and encourage the savings habit, especially among the younger generation, in order to increase the quality of life of Malaysian citizens.

It is therefore with pride that I report BSN has once again demonstrated resilient growth and strong financial performance for the year ending 31 December 2017, against an economic environment that is slowly rebounding.

ECONOMIC PERSPECTIVE

Improved growth in developing markets and external demand have driven the global economy to grow by 3.8 percent compared to 3.2 percent in 2016. While macroeconomic factors continued to strengthen somehow, geopolitical issues remained a concern.

The Malaysian economy has shown impressive 5.9 percent growth in 2017, which was higher than 4.2 percent charted in 2016. This growth was driven mainly by private sector spending and increased activity in the manufacturing and services sectors. Market conditions were healthier with consistent income growth and our exports remained strong due to rising global demand. The stronger Ringgit appreciation also reflected the improving national economy.

KENYATAAN PENERUS

CHAIRMAN'S STATEMENT

Selaras dengan perkembangan ekonomi yang semakin positif, BSN kekal komited dalam usahanya untuk mengukuhkan tawaran serta memperluaskan kedudukan. Melalui rangkaian perbankan dan perkhidmatan kewangan yang meluas di seluruh negara, BSN terus memastikan semua rakyat Malaysia mendapat akses perbankan yang komprehensif.

PERTUMBUHAN MAPAN

Aspirasi utama Bank adalah untuk menawarkan kemudahan kewangan kepada semua rakyat Malaysia. Selain daripada mengimbangi kedudukan kami sebagai entiti yang menguntungkan, matlamat kami sejak dari dahulu lagi adalah sentiasa menyokong agenda sosial dalam menerapkan pengetahuan celik kewangan di seluruh negara. Bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang, kami mengambil pendekatan berhemah dan mengamalkan tahap pematuhan dan tadbir urus korporat yang tinggi dalam setiap perkara yang kami lakukan. Falsafah ini membentuk asas utama dalam pertumbuhan berterusan BSN sehingga ke hari ini.

PRESTASI KEWANGAN

Prestasi kewangan bagi tahun 2017 adalah sangat menggalakkan seiring dengan pemulihan dalam landscape ekonomi Malaysia.

Bagi tahun 2017, pihak Bank telah mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat berjumlah RM171.5 juta, dengan hasil sebanyak RM1,920.2 juta. Peningkatan dalam keuntungan bersih kami sebanyak 199.8 peratus adalah selaras dengan pertumbuhan konsisten yang ditunjukkan dalam segmen perniagaan utama kami yang merangkumi perbankan runcit.

Secara keseluruhannya, kami mencatat pertumbuhan 3.4 peratus dalam jumlah pinjaman dan pembiayaan bagi tahun 2017 berbanding tahun lepas meskipun pengguna masih mengekalkan sentimen berjaga-jaga. Kami percaya pertumbuhan baik dalam segmen pinjaman dan pembiayaan ini berjaya dicapai melalui pelbagai inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan terutamanya dalam mendorong pemilikan rumah serta sewa beli kenderaan. Pinjaman dan pembiayaan sewa beli mendahului dengan kenaikan 68.0 peratus kepada RM1,064.5 juta, diikuti oleh Pembiayaan/Pinjaman Perumahan pada 7.0 peratus, Kad Kredit pada 13.0 peratus dan Mikro Kewangan sebanyak 0.7 peratus. Manakala Pembiayaan/Pinjaman Peribadi mengalami penurunan sebanyak 3.2 peratus.

Dalam menahut matlamat Kerajaan bagi memastikan rakyat Malaysia mampu memiliki rumah pertama, BSN telah menyediakan kemudahan pembiayaan bagi peminjam yang layak di mana lebih 55 peratus pinjaman perumahan telah diluluskan

Against the positive economic background, BSN remained committed in strengthening our offerings and expanding our presence through a broad range of banking and financial services across the country to ensure all Malaysians gain comprehensive banking access.

SUSTAINABLE GROWTH

The Bank's main aspiration is to provide financial inclusion for all Malaysians. Apart from balancing our position as a profitable entity, our goal has always been to support the social agenda in applying financial literacy knowledge across the country. To ensure long-term growth, we adapt a prudent approach and a strong compliance culture and corporate governance in everything we do. This philosophy has been the cornerstone of BSN's continuous growth until today.

FINANCIAL PERFORMANCE

The financial performance for 2017 is very encouraging in line with the recovery in Malaysian economy landscape.

For the year 2017, the Bank recorded a profit after taxation and zakat amounting to RM171.5 million, with revenue of RM1,920.2 million. The increase in our net profit of 199.8 percent is in line with the consistent growth shown in our core business segment which includes retail banking.

Overall, we recorded a 3.4 percent growth in loans and financing for the year 2017 as compared to the previous year despite a cautious consumer sentiment. We believe that growth in both the loan and financing segments has been possible through various initiatives provided by the Government primarily, in promoting home ownership and vehicle hire purchase ownership. Loans and hire purchase financing led to an increase of 68.0 percent to RM1,064.5 million, followed by Mortgage at 7.0 percent, Credit Cards at 13.0 percent and Micro Finance by 0.7 percent. While Personal Financing/Loan decreased by 3.2 percent.





PENINGKATAN DALAM KEUNTUNGAN BERSIH KAMI SEBANYAK 199.8 PERATUS ADALAH SELARAS DENGAN PERTUMBUHAN KONSISTEN YANG DITUNJUKKAN DALAM SEGMENT PERNIAGAAN UTAMA KAMI YANG MERANGKUMI PERBANKAN RUNCIT. SECARA KESELURUHANNYA, KAMI MENCATAT PERTUMBUHAN 3.4 PERATUS DALAM JUMLAH PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2017 BERBANDING TAHUN LEPAS MESKIPUN PENGGUNA MENGEKALKAN SENTIMEN BERJAGA-JAGA.

THE INCREASE IN OUR NET PROFIT OF 199.8 PERCENT IS IN LINE WITH THE CONSISTENT GROWTH SHOWN IN OUR CORE BUSINESS SEGMENT WHICH INCLUDES RETAIL BANKING. OVERALL, WE RECORDED 3.4 PERCENT GROWTH IN LOANS AND FINANCING FOR THE YEAR 2017 AS COMPARED TO THE PREVIOUS YEAR DESPITE A MORE CAUTIOUS CONSUMER SENTIMENT.

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT

PROFIT AFTER TAX AND ZAKAT



RM171.5

juta million

kepada pembeli rumah pertama pada 2017. Sebanyak 94 peratus daripada jumlah pinjaman perumahan telah diluluskan untuk pembelian hartanah di bawah RM500,000.

Bagi tahun 2017, kedudukan deposit menurun sebanyak 3.9 peratus kepada RM24.88 bilion berbanding RM25.90 bilion pada tahun 2016, yang disebabkan oleh sektor simpanan tetap.

BSN terus mendapat sambutan dan sokongan yang padu daripada kerajaan dan Bank Negara Malaysia dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam dunia menjelang tahun 2020. Secara tidak langsung, ianya membantu dalam pertumbuhan Perbankan Islam di BSN sebagai penyumbang utama jumlah keuntungan Bank sebanyak 62.8 peratus. Bagi tahun 2017, Perbankan Islam mencatatkan hasil sebanyak RM1,042.5 juta, peningkatan sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun 2016 iaitu RM1,036.4 juta. Keuntungan selepas cukai dan zakat untuk sektor ini adalah sebanyak RM107.8 juta, 93.4 peratus lebih tinggi daripada tahun 2016. Pertumbuhan hasil bagi Perbankan Islam adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan daripada aktiviti pembiayaan dan pendahuluan berjumlah RM934.9 juta, menyebabkan kenaikan sebanyak 4.1 peratus berbanding tahun 2016.

In support of the Government's goal to ensure all Malaysians can afford their first homes, BSN has provided financing facilities for eligible borrowers with more than 55 percent of housing loans approved to first home buyers in 2017. 94 percent of housing loans have been approved for purchase of properties below RM500,000.

In 2017, deposits decreased by 3.9 percent to RM24.88 billion compared to RM25.90 billion in 2016, due to the fixed deposit sector.

Given the strong commitment by the Government and Bank Negara Malaysia to push Malaysia to be a world class Islamic financial services centre by 2020, we continuously receive strong interest and support. Indirectly, this has helped in the growth of Islamic Banking in BSN as a major contributor of the Bank's total profits with 62.8 percent. For 2017, Islamic Banking posted a revenue of RM1,042.5 million, an increase of 0.6 percent as compared to the 2016 of RM1,036.4 million. Profit after taxation and zakat for this sector was RM107.8 million, 93.4 percent higher than 2016. The revenue growth for Islamic Banking is due to an increase in revenue from financing activities and advances amounting to RM934.9 million, resulting in an increase of 4.1 percent compared to 2016.

KENYATAAN PENGURUS

CHAIRMAN'S STATEMENT

MENDORONG INOVASI

BSN terus memberikan fokus strategik dalam menyokong rangkaian kewangan yang menyeluruh dengan mempertingkatkan rangkaian produk dan memastikan ianya kekal relevan bagi memenuhi keperluan pelanggan. Kami menggunakan teknologi dan inovasi sebagai pemacu utama untuk membina keupayaan dan mengukuhkan tawaran kami bukan sahaja di kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan bandar terutamanya di kalangan generasi muda.

MENDORONG PEMERKASAAN KEWANGAN

Di BSN, fokus utama kami adalah sentiasa menyokong agenda Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan serta mengukuhkan rangkaian kewangan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat mendapat kemudahan kewangan yang berkualiti.

BSN terus kekal relevan sebagai satu-satunya Bank yang memberi akses perbankan secara menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan luar bandar menerusi rangkaian Ejen Bank Berdaftar (EB BSN) sejak pengenalannya pada tahun 2012 dalam usaha membantu Kerajaan mencapai status negara maju. BSN turut komited untuk terus progresif dalam misi untuk mencapai objektifnya menjadikan sektor perbankan di Malaysia lebih inklusif. Kini, EB BSN meliputi 144 daerah melibatkan 96.7% daripada 886 mukim di Malaysia di mana jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 5,682 EB BSN seluruh Malaysia.

Setelah lima tahun EB BSN dilaksanakan, jumlah keseluruhan transaksi perbankan meningkat kepada 134 juta transaksi dengan nilai hampir RM9 bilion berbanding hanya 99 juta transaksi pada tahun 2016. Di samping itu juga, jumlah deposit yang diperoleh melalui EB BSN turut meningkat kepada RM258 juta pada tahun ini berbanding RM212 juta pada tahun 2016. Selain itu sejumlah lebih 31,000 pembukaan akaun baharu telah direkodkan sejak perkhidmatan EB BSN diperkenalkan pada Disember 2014.

Di era globalisasi kini, sesetengah ekonomi di negara-negara maju telah berjaya disebabkan oleh Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (PKS) yang diusahakan di dalam negara. Kebanyakan PKS merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara mencakupi lebih 98 peratus daripada jumlah perniagaan dan menyumbang lebih 65 peratus kepada pekerjaan serta lebih 50 peratus daripada keluaran domestik negara.

Memandangkan pertumbuhan yang kian meningkat dalam PKS, BSN sejak 10 tahun yang lalu terus menyokong inisiatif ini dengan menyalurkan skim pembiayaan BSN Micro/i kepada perusahaan mikro yang layak agar perniagaan mereka terus maju dan berdaya saing.

Kedudukan BSN sebagai peneraju utama dalam skim pembiayaan Micro/i di Malaysia terus unggul sebagai peneraju pegangan pasaran dengan lebih 50 peratus pada tahun 2017. Dalam tahun 2017, kami telah mengagihkan pembiayaan berjumlah RM191 juta kepada lebih 5,000 pelanggan. Skim ini terus berkembang dengan baik apabila berjaya membiayai lebih 58,000 pelanggan dengan jumlah pinjaman dan pembiayaan sebanyak RM1.5 bilion berbanding 320 pelanggan dengan jumlah pinjaman dan pembiayaan sebanyak RM5 juta pada tahun pertama diperkenalkan.

ENCOURAGING INNOVATION

BSN continues to provide strategic focus in supporting financial inclusion by enhancing the product range and ensure that it remains relevant to meet customers' needs. We use technology and innovation as key drivers to strengthen our offerings not only in rural areas but also in urban areas targeting the younger generation.

ENCOURAGING FINANCIAL EMPOWERMENT

At BSN, our key focus is to support the Government's agenda for sustainable economic growth and financial inclusion to ensure all levels of society receive quality financial facilities.

BSN continues to be relevant as the only Bank that provides extensive access to banking facility to communities, especially in rural areas through the Banking Agents (EB BSN) since its introduction in 2012 in an effort to help the Government achieve a developed nation status. BSN is continuously committed on its mission to achieve its objective of making the banking sector more inclusive in Malaysia. Currently, EB BSN covers 144 districts involving 96.7% of 886 mukims in Malaysia with a total amount of 5,682 EB BSNs across Malaysia.

After five years of EB BSN's implementation, the total number of banking transactions increased to 134 million transactions with a value of almost RM9 billion compared to only 99 million transactions in 2016. In addition, total deposits raised through EB BSN also increased to RM258 million this year compared to RM212 million in 2016. Moreover, a total of more than 31,000 new account openings has been recorded since the EB BSN service was introduced in December 2014.

In this era of globalisation, economies in developed countries have been successful due to Small and Medium Industries (SMEs) which develop domestically. Most SMEs are the backbone of the country's economy accounting for more than 98 percent of total business and contribute over 65 percent to jobs and over 50 percent of the country's domestic output.

Given the increased growth in SMEs, BSN for the past 10 years has continued to support this initiative by channeling BSN Micro/i financing schemes to eligible micro enterprises to keep their business progressive and competitive.

BSN's position as a key player in Micro/i financing in Malaysia continues to be upheld with a leading market share of over 50 percent in 2017. In 2017, we disbursed RM191 million to over 5,000 customers. The scheme has continued to grow well, successfully financing over 58,000 customers with total financing amounting to RM1.5 billion compared to 320 customers with total financing amounting to RM5 million in the first year it was introduced.



PADA NOVEMBER TAHUN INI, BSN TELAH MELANCARKAN SKIM BSN MICROPLUS YANG MERUPAKAN KESINAMBUNGAN DARIPADA SKIM PEMBIAYAAN BSN MICRO/I YANG MENAWARKAN JUMLAH PEMBIAYAAN YANG LEBIH BESAR DENGAN PEMBIAYAAN MAKSIMUM SEBANYAK RM250,000 BERBANDING SKIM PEMBIAYAAN BSN MICRO/I YANG SEBELUM INI MENAWARKAN JUMLAH MAKSIMUM SEBANYAK RM50,000.

IN NOVEMBER THIS YEAR, BSN LAUNCHED A BSN MICROPLUS SCHEME WHICH IS A CONTINUATION OF THE BSN MICRO/I FINANCING SCHEME, OFFERING A LARGER FINANCING AMOUNT UP TO A MAXIMUM RM250,000 COMPARED TO BSN MICRO/I FINANCING SCHEME WHICH PREVIOUSLY OFFERED A MAXIMUM OF RM50,000.



Salah satu usaha dalam mengembangkan skim pembiayaan BSN Micro/i merangkumi kerjasama strategik bersama Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dalam perkongsian strategik Jaminan Portfolio (PG) yang menyediakan pembiayaan sehingga RM50 juta kepada perusahaan mikro di Malaysia. Di bawah skim Jaminan Portfolio ini, perusahaan mikro boleh memohon untuk kemudahan konvensional ataupun Islamik daripada BSN. Nilai pembiayaan yang ditawarkan bermula daripada RM5,000 hingga RM50,000 dan terbuka kepada usahawan bumiputera atau bukan bumiputera bagi tempoh lima tahun. 70 peratus daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Bank melalui skim Jaminan Portfolio ini akan dijamin oleh CGC.

Pada tahun 2017, lebih daripada 14,000 bilangan perusahaan mikro telah memohon untuk skim pembiayaan BSN Micro/i dan sebanyak RM192 juta telah diagihkan kepada pelanggan. Sekali lagi, saya berbangga untuk menyatakan bahawa BSN telah membuka laluan bagi kerjasama Jaminan Portfolio yang pertama di Malaysia bagi menyokong sektor perniagaan mikro. Saya turut berbesar hati melihat bank-bank lain turut memulakan tawaran yang sama.

Pada November tahun ini, BSN telah melancarkan skim pembiayaan BSN Microplus yang merupakan kesinambungan daripada skim pembiayaan BSN Micro/i yang menawarkan jumlah pinjaman yang lebih besar dengan pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000 berbanding skim pembiayaan BSN Micro/i yang menawarkan jumlah maksimum sebanyak RM50,000 sebelum ini. Skim ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dan kami amat mengharapkan kejayaan program ini dalam membantu para usahawan mengembangkan lagi perusahaan mikro di Malaysia.

BSN terus menyokong matlamat Kerajaan untuk membantu memajukan rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Antara salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah dengan membantu pembeli memiliki rumah pertama mereka melalui Skim Perumahan Belia (SPB).

One of the efforts in developing the BSN Micro/i financing scheme has seen us entering a strategic partnership with Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) in a Portfolio Guarantee (PG) which provides financing of up to RM50 million to micro enterprises in Malaysia. Under this Credit Guarantee scheme, micro enterprises may apply for conventional or Islamic facilities from BSN. The amount of financing offered ranges from RM5,000 to RM50,000 and is open to bumiputera entrepreneurs or non-Bumiputera entrepreneurs for a five-year tenure. 70 percent of financing approved by the Bank will be guaranteed by CGC through the Credit Guarantee scheme.

As at 2017, over 14,000 micro enterprises have applied for the BSN Micro/i financing scheme and we have disbursed RM192 million. Once again, I am proud to say that BSN has paved the way for the first-ever PG in Malaysia in support of the micro business segment. I am pleased to see that other banks have also begun to offer the same.

In November this year, BSN launched BSN Microplus financing scheme as a continuation of the BSN Micro/i financing scheme, which offers a larger financing amount up to a maximum of RM250,000 compared to BSN Micro/i financing scheme which offered a maximum amount of RM50,000. The scheme has been well received and we look forward the success of this programme in helping entrepreneurs expand their micro enterprises in Malaysia.

We continue to support the Government's aim to help Malaysians live a better life. The initiative is through facilitating homebuyers' need to become homeowners by helping young adults own their first homes through the Youth Housing Scheme (YHS).

KENYATAAN PENGURUS

CHAIRMAN'S STATEMENT

Skim SPB ini merupakan kerjasama antara Kerajaan, Cagamas Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan BSN dalam menawarkan pembiayaan 100 peratus kepada pembeli rumah pertama di Malaysia. Skim ini telah dilancarkan pada Julai 2015 dan setakat 31 Disember 2017, BSN telah berjaya meluluskan 5,153 pembiayaan perumahan berjumlah RM1,183 juta.

BSN juga telah bekerjasama dengan pelbagai pemapu perumahan antaranya ialah Sin Hee Yang Property Group serta Persatuan Pemapu Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Negeri Sembilan, bersempena dengan Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX) dalam mempromosikan SPB. Skim SPB ini hanya ditawarkan oleh BSN kepada pembeli rumah pertama yang layak, berkahwin ataupun bujang yang berumur antara 25 hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan.

MENDORONG WARGA PENYIMPAN

Salah satu daripada mandat utama Bank adalah untuk mendorong dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan. Menyedari kepentingan dalam memupuk amalan menabung sejak dari kecil lagi, pihak Bank telah menjalankan pelbagai inisiatif serta mempromosikan produk antaranya ialah Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan BSN Smart Junior (BSJ).

Pihak Bank amat berbangga untuk memaklumkan bahawa BSJ dan SGSP terus mendapat sambutan di kalangan sasarannya iaitu pelajar sekolah. SGSP adalah skim simpanan yang berkonsepkan pertandingan simpanan secara tahunan bertujuan memupuk amalan menabung secara berhemah disamping menawarkan ganjaran hadiah, yang mana penyertaan terbuka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah serta pihak sekolah.

Pada tahun 2017, jumlah pelajar baharu meningkat seramai 100,000 orang menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang menyertai SGSP adalah sebanyak 1.1 juta pelajar dari lebih 7,800 buah sekolah (168 buah sekolah baharu) di seluruh negara. Mereka menyertai untuk merebut hadiah-hadiah yang bernilai RM200,000 dalam pertandingan ini.

Jumlah simpanan para pelajar dan sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dalam SGSP mencapai sehingga lebih 566.4 juta. Kami amat berpuas hati dengan kejayaan inisiatif ini dalam menggalakkan tabiat menabung di kalangan golongan muda.



PADA TAHUN 2017, JUMLAH PELAJAR BAHARU MENINGKAT SERAMAI 100,000 ORANG MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR YANG MENYERTA SGSP ADALAH SEBANYAK 1.1 JUTA PELAJAR DARI LEBIH 7,800 BUAH SEKOLAH (168 BUAH SEKOLAH BAHARU) DI SELURUH NEGARA UNTUK MEREbut HADIAH-HADIAH YANG BERNILAI RM200,000 DALAM PERTANDINGAN INI.

IN 2017, THE NUMBER OF NEW STUDENTS INCREASED BY 100,000 MAKING THE TOTAL AMOUNT OF STUDENTS WHO JOINED SGSP REACH 1.1 MILLION FROM OVER 7,800 SCHOOLS (168 NEW SCHOOLS) NATIONWIDE IN HOPE TO WIN PRIZES OF RM200,000 IN THE COMPETITION.

The YHS is a partnership between the Government, Cagamas Berhad, Employees Provident Fund and BSN in offering 100 percent financing to first time home buyers in Malaysia. The scheme was launched in July 2015 and as of 31 December 2017, BSN has successfully approved 5,153 housing loans and financing with a total value of RM1,183 million.

BSN has also worked together with few developers and among others are Sin Hee Yang Property Group and the Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA) Negeri Sembilan, in conjunction with the Malaysia Property Expo (MAPEX) 2017, to promote the YHS. The scheme is solely offered by BSN, to qualified potential buyers. Buyers who are married or single aged between 25 to 40 and with a household income of not more than RM10,000 are entitled to receive the benefits of this financing.

ADVOCATING A NATION OF SAVERS

Recognising the importance of cultivating saving practices from a young age, the Bank has undertaken various initiatives and products such as the Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) and BSN Smart Junior (BSJ).



PIHAK BANK JUGA TURUT MENGHULURKAN BANTUAN EKORAN MUSIBAH BANJIR YANG MELANDA DI NEGERI – NEGERI YANG TERLIBAT. SEBANYAK 1,000 PEK BANTUAN BERUPA BARANGAN KEPERLUAN HARIAN DENGAN NILAI KESELURUHAN SEBANYAK RM200,000 TELAH DISERAHKAN KEPADA BEBERAPA KELUARGA DI NEGERI KELANTAN DAN JOHOR.

THE BANK ALSO PROVIDED ASSISTANCE IN THE WAKE OF THE FLOODS THAT HIT THE AFFECTED STATES. A TOTAL OF 1,000 RELIEF ITEMS IN THE FORM OF DAILY NECESSITIES WITH A TOTAL VALUE OF RM200,000 WERE HANDED OVER TO SEVERAL FAMILIES IN THE STATE OF KELANTAN AND JOHOR.

Selain daripada itu, BSN turut melancarkan Kempen '12 Juta Ringgit, 12 Jutawan, 12 Bulan' bagi BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) yang merupakan satu-satunya produk simpanan yang unik dan tersendiri dalam kalangan produk simpanan yang ditawarkan di pasaran. Melalui kempen ini, BSN telah memberikan ganjaran RM 1 juta bagi kategori cabutan istimewa serta kereta mewah BMW dan Mercedes Benz melalui cabutan bulanan, manakala RM10,000 dan iPhone 7 melalui cabutan remaja (Kategori Biasa dan Khas) pada setiap bulan sepanjang tahun 2017.

Seramai 12 jutawan telah dilahirkan sepanjang tahun 2017 dimana nilai keseluruhan ganjaran sebanyak RM17.7 juta dan 13,536 ganjaran telah ditawarkan kepada para penyimpan BSN SSP. Setiap bulan sebanyak 1,128 ganjaran telah diberikan kepada para penyimpan yang bertuah.

Kempen ini telah berjaya menarik hampir 237,330 pelanggan baharu pada tahun 2017, dan berjaya menyumbang kepada peningkatan deposit bank. BSN SSP meningkat kepada RM62.3 juta dengan jumlah deposit sebanyak RM3,312.6 juta.

BANTUAN KEMASYARAKATAN

Sebagai Bank yang mengutamakan komitmen rakyat, kami percaya bahawa kami bertanggungjawab untuk memberi semula kepada komuniti di mana kami beroperasi. Di BSN, kami bukan sahaja membantu rakyat Malaysia dengan memberi kemudahan akses perbankan yang komprehensif, malahan kami turut membantu komuniti melalui khidmat kemasyarakatan di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami.

Pada tahun ini, kami telah menjalankan beberapa aktiviti CSR untuk membantu komuniti yang kurang berkemampuan. BSN telah menjalankan fasa kedua program pemberian cermin mata "Dari Mata Turun ke Hati" di mana 500 para pelajar yang kurang berkemampuan diberikan perkhidmatan pemeriksaan mata dan pemberian cermin mata secara percuma di 39 buah sekolah menengah dan 95 buah sekolah rendah di sekitar daerah Pendang dan Sik di Kedah termasuk sekolah angkat BSN.

The Bank is pleased to announce that BSJ and SGSP continue to receive good response among its student. SGSP is a savings scheme with annual savings competition aimed at inculcating a saving habit whereby participation is open to primary and secondary students and schools.

In 2017, the number of new students increased by 100,000 making the total amount of students who joined SGSP reach 1.1 million from over 7,800 schools (168 new schools) nationwide. They join in hope of winning prizes of RM200,000 in the competition.

The total savings of students and schools participating in SGSP reached up to 566.4 million. We are very pleased with the success of this initiative in promoting the habit of saving in the early age.

Apart from that, BSN also launched the '12 Million Ringgit, 12 Millionaires, 12 Months' Campaign for BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) which is unique among the range of savings products offered in the market. Through this campaign, BSN awarded RM1 million in special draws, BMW and Mercedes Benz luxury cars via monthly draws and RM10,000 and iPhone 7 through junior draws every month throughout 2017.

A total of 12 millionaires were created throughout 2017 whereupon a total reward of RM17.7 million and 13,536 benefits were offered to BSN SSP depositors. Each month a total of 1,128 rewards were awarded to lucky depositors.

The campaign has attracted almost 237,330 new customers in 2017, and successfully contributed to the increase in bank deposits. BSN SSP increased to RM62.3 million with total deposit amount of RM3,312.6 million.

PROVIDING COMMUNITY ASSISTANCE

As a Bank that prioritises its commitment to the people, we believe it is our responsibility to give back to the community in where we operate. At BSN, we are not merely supporting Malaysians through giving them access to comprehensive banking services, but also by giving back to society through our corporate social responsibility (CSR) initiatives.

During the year, we carried out several CSR activities to assist underprivileged communities. BSN carried out the second phase of its programme 'Dari Mata Ke Hati', in which 500 underprivileged students received free eye screening and spectacles from 39 secondary schools and 95 primary schools in Pendang and Sik in Kedah, as well as BSN adopted schools.

KENYATAAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

Pihak Bank juga turut menghulurkan bantuan ekoran musibah banjir yang melanda di negeri – negeri yang terlibat. Sebanyak 1,000 pek bantuan berupa barangan keperluan harian dengan nilai keseluruhan sebanyak RM200,000 telah diserahkan kepada beberapa keluarga di negeri Kelantan dan Johor bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk meringankan sedikit beban mereka akibat musibah yang melanda selari dengan visi kami 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

Selain daripada itu, bersempena dengan bulan Ramadan, BSN telah menganjurkan Program Raudah Ramadan BSN dalam menyampaikan sumbangan sempena musim perayaan serta menikmati iftar bersama para pelajar daripada golongan asnaf di sekitar Jerlun, Kedah. Program ini melibatkan 100 golongan asnaf yang terdiri daripada para pelajar tingkatan enam Sek. Men. Kebangsaan Ayer Hitam dan Sek. Men. Agama Nahdzatul. Sumbangan sebanyak RM200 telah diserahkan kepada setiap pelajar sebagai sumbangan menjelang hari raya.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, BSN turut kembali dengan kempen Raya iaitu Kempen Riuhkan Raya BSN dengan memberi fokus kepada aktiviti tanggungjawab sosial yang menjurus kepada ikatan silaturrahim kekeluargaan menjelang musim perayaan. BSN telah menaja tiket penerbangan (pergi dan balik) para pelajar cemerlang terpilih dimana mereka menuntut di luar negara untuk pulang beraya bersama keluarga mereka.

The Bank also provided assistance in the wake of the floods that hit the affected states. A total of 1,000 relief items in the form of daily necessities with a total value of RM200,000 were handed over to several families in the state of Kelantan and Johor to help the less fortunate to lighten their burden due to their misfortune, which is in line with our vision of 'No Malaysians Left Behind'.

Apart from that, in conjunction with the Ramadan month, BSN organised the BSN Raudah Ramadan Programme which saw us delivering contributions during the festive seasons and enjoying iftar with asnaf students at Jerlun, Kedah. The programme involved 100 asnaf groups comprising Form Six students of Sek. Men. Kebangsaan Ayer Hitam and Sek. Men. Agama Nahdzatul. A contribution of RM200 was handed over to each student as a festive contribution for the upcoming Raya.

BSN once again held its Raya campaign as per previous year with BSN Riuhkan Raya with a focus on social responsibility activities that lead to family bonding during the festive season. BSN sponsored return flight tickets for selected students who are studying abroad to come home to their families for the Raya season.



Memahami erti kepentingan ikatan silaturrahim kekeluargaan sempena sambutan Syawal, BSN turut mengambil peluang untuk memberi kegembiraan buat para pelanggannya dengan merakam saat-saat indah ini. Sambutan yang diterima amatlah menggalakkan terutama sekali di media sosial BSN dan media-media terpilih yang lain.

MENINGKATKAN TADBIR URUS KORPORAT

BSN sentiasa percaya bahawa tadbir urus korporat yang baik merupakan asas mutlak bagi kemapanan jangka panjang Bank. Kami berpegang kepada asas-asas yang kukuh untuk memastikan BSN sentiasa menjadi rakan perniagaan yang dipercayai kepada pemegang yang berkepentingan. Inilah yang terus membentuk teras kepimpinan dalam BSN, menilai dan mengukuhkan pengurusan risiko dan amalan pematuhan kami sewajarnya.

Kedudukan modal Bank kekal stabil, dengan profil kecairan yang mantap dan lembaran imbalan yang kukuh. Nisbah modal berwajaran risiko kami jauh mengatasi nisbah modal minimum pada 15.8 peratus. Bank turut berusaha untuk mengekalkan kualiti aset yang tinggi supaya dapat mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh serta menambah baik kualiti perkhidmatan disamping terus menyokong agenda pertumbuhan dan kesejahteraan negara, sambil membina nilai jangka panjang bagi para pemegang yang berkepentingan.

MEMPERKUKUHKAN WARGA KERJA KAMI

Komitmen dan dedikasi warga kerja kami adalah tunjang di sebalik kejayaan Bank untuk terus beroperasi secara konsisten dan mampan sepanjang empat dekad ini. Prinsip serta nilai – nilai murni Bank iaitu C.A.R.E yang membawa maksud Komited (Committed), Cerdas/Tangkas (Agile), Menghormati (Respectful) dan Beretika (Ethical), sentiasa dipupuk agar ianya selaras dengan keperluan di persekitaran perniagaan masa kini serta sejajar dengan agenda korporat semasa. Kami terus meneruskan memperkasakan warga kerja kami dengan memastikan mereka menerima latihan modal insan yang berterusan supaya kami boleh membangun sejajar dengan pembangunan perbankan di masa hadapan.



KEDUDUKAN MODAL BANK KEKAL STABIL, DENGAN PROFIL KECAIRAN YANG MANTAP DAN LEMBARAN IMBALAN YANG KUKUH. NISBAH MODAL BERWAJARAN RISIKO KAMI JAUH MENGATASI NISBAH MODAL MINIMUM PADA 15.8 PERATUS.

THE BANK'S CAPITAL POSITION REMAINS SOLID, WITH A STRONG LIQUIDITY PROFILE AND A HEALTHY BALANCE SHEET. OUR TIER 1 CAPITAL RATIOS ARE WELL ABOVE THE MINIMUM CAPITAL RATIO AT 15.8 PERCENT.



Understanding the importance of family bonding in the spirit of Syawal, BSN also took the opportunity to give its customers the opportunity to record those memorable reunions. The response received was encouraging and well received in BSN's social media and other selected media.

ENHANCING CORPORATE GOVERNANCE

BSN has always believed that good corporate governance is an absolute basis for the Bank's long-term sustainability. We hold true to strong fundamentals to ensure that we will always be a trusted partner to our stakeholders. This will always remain at the core of BSN, and continue to assess and strengthen our risk management and compliance practices accordingly.

The Bank's capital position remains solid, with a strong liquidity profile and a healthy balance sheet. Our Tier 1 capital ratios are well above the minimum capital ratio at 15.8 percent. We strive to maintain high asset quality so that we can maintain a strong financial position and improve the quality of our services to further support the nation's growth and prosperity agenda, while building long-term value for our stakeholders.

UPSKILLING OUR EMPLOYEES

The commitment and dedication of our employees is the cornerstone of Bank's success in continuing to operate on a stable and sustainable path for over four decades. The principles and core values of the Bank, namely C.A.R.E., which stand for Committed, Agile, Respectful and Ethical, are always nurtured so that it is in line with the needs of today's business environment as well as in keeping with the current corporate agenda. We constantly empower our employees by ensuring that they receive ongoing human capital training so that we can develop in tandem with the future of banking.

KENYATAAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT



KAMI BERHASRAT UNTUK MEMANFAATKAN INOVASI DALAM TEKNOLOGI UNTUK MENYOKONG RANGKAIAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN KAMI AGAR TERUS KEKAL SEBAGAI BANK PILIHAN BAGI RAKYAT MALAYSIA.

WE AIM TO LEVERAGE ON INNOVATION IN TECHNOLOGY TO SUPPORT OUR SUITE OF PRODUCTS AND SERVICE OFFERINGS, SO THAT WE CONTINUE TO BE A PREFERRED BANK FOR MALAYSIANS.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada warga kerja Bank kerana tekun melaksanakan transformasi dengan mengamalkan budaya kerja positif bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam semua perkara yang mereka lakukan. Transformasi ini merupakan paksi kepada kemampuan pertumbuhan dalam usaha kami untuk mara ke hadapan sebagai bank pilihan rakyat Malaysia.

MELANGKAH KE HADAPAN

Pertumbuhan Malaysia pada 2017 dijangka berterusan sehingga 2018. Bersandarkan landskap ekonomi yang lebih menggalakkan, kami menjangka tahun 2018 akan menyaksikan pertumbuhan yang lebih positif dalam pinjaman dan pembiayaan serta deposit. Purata pendapatan boleh guna bagi isi rumah dijangka meningkat dengan perbelanjaan pengguna yang bertambah baik berikutan pengurangan cukai pendapatan perseorangan dan langkah-langkah lain yang dicadangkan dalam Belanjawan 2018.

Bank juga merancang untuk membangunkan segmen Perbankan Islam memandangkan terdapat potensi besar dalam pasaran yang masih belum diusahakan. Kami berhasrat untuk memanfaatkan inovasi dalam teknologi untuk menyokong rangkaian produk dan perkhidmatan agar terus kekal sebagai bank pilihan bagi rakyat Malaysia.

PENGHARGAAN

Dikesempatan ini, saya ingin mengambil peluang, mewakili Lembaga Pengarah untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Adinan Maning, yang telah berkhidmat di BSN sebagai Ketua Eksekutif selama 10 tahun bermula tahun 2007 sehingga 30 November 2017. Sepanjang perkhidmatan beliau, pelbagai sumbangan dan komitmen yang tinggi telah diberikan dalam memacu kecemerlangan Bank sehingga menjadikan BSN sebagai sebuah Bank yang disegani dan mampu bersaing bersama institusi perbankan yang lain.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan juga turut mengalu-alukan Datuk Yunos Abd Ghani yang telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif berkuasa pada 1 Disember 2017. Datuk Yunos membawa bersama tiga dekad pengalaman dalam industri perbankan dan beliau telah berkhidmat di BSN semenjak tahun 2006 lagi. Pihak Bank yakin, dibawah kepimpinan beliau, BSN akan terus maju dan dapat mempertingkatkan lagi penjanaan perniagaan yang mampan.

I take this opportunity to congratulate the Bank's employees for their dedication in implementing the transformation by practicing positive work culture to apply pure values in all things they do. This transformation is an axis of sustainability growth in our quest to forge ahead to be a bank of choice for Malaysian citizens.

MOVING FORWARD

Malaysia's growth in 2017 is expected to continue to 2018. With more favorable economic landscape, we expect the year 2018 to see more positive growth in loans and financing as well as deposits. Average disposable income for households is expected to rise with improved consumer spending following the reduction in personal income tax and other measures proposed during Budget 2018.

We also plan to grow our Islamic Banking segment given the vast potential in the market that still remains untapped. We aim to leverage on innovation in technology to support our suite of products and service offerings, to continue to be a preferred Bank for Malaysians.

IN APPRECIATION

I hereby take this opportunity to represent the Board of Directors in recording our highest appreciation and thanks to Datuk Adinan Maning, who has served BSN as its Chief Executive for 10 years from 2007 until 30 November 2017. During his tenure, various contributions and high commitment have drove the Bank's excellence to make BSN a respected Bank that is able to compete with other banking institutions.

The Board and Senior Management also welcome Datuk Yunos Abd Ghani who was appointed as Chief Executive, effective 1 December 2017. Datuk Yunos brings with him over three decades of experience in the banking industry and has served BSN since 2006. The Bank is confident, under his leadership, BSN will continue to advance and will further enhance sustainable business value generation.



Selain itu, saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin berterima kasih kepada Encik Ramesh Pillai yang telah menamatkan tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 20 April 2017. Sesungguhnya beliau telah banyak memberikan idea serta pandangan dalam memajukan BSN. Pihak Bank juga turut mengalu-alukan kedatangan tiga Ahli Lembaga Pengarah yang baharu iaitu Datuk Fazlur Rahman Ebrahim, Tuan Haji Selamat Haji Sirat dan juga Prof Dr. Rozainun Hj Ab Aziz dimana, pengalaman dan pandangan korporat yang mantap mampu memacu Bank ke tahap yang lebih unggul.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah yang lain, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pihak Pengurusan serta warga kerja BSN yang telah melaksanakan peranan mereka dengan penuh komitmen dan dedikasi. Disebabkan perkhidmatan cemerlang inilah, pihak Bank masih berdiri di sini atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dan saya amat mengalu-alukan sumbangan mereka untuk tahun-tahun yang akan datang.

Kami turut menyampaikan penghargaan kepada para pemegang berkepentingan dan Badan Kawal Selia atas sokongan dan bimbingan berterusan mereka. Kami akan terus berkhidmat kepada negara dengan menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang mudah diakses dan relevan untuk masa akan datang.

Terima kasih.

TAN SRI ABU BAKAR HJ ABDULLAH

Pengerusi, Bank Simpanan Nasional

In addition, on behalf of the Board of Directors, I would like to thank Mr Ramesh Pillai for his term of service as a Board Member till 20 April 2017. He has contributed significant ideas and views in advancing BSN. The Bank also welcomes the arrival of three new Board of Directors namely Datuk Fazlur Rahman Ebrahim, Tuan Haji Selamat Haji Sirat and Prof. Dr. Rozainun Hj Ab Aziz whose good corporate experience and perspectives should propel the Bank to a more higher standing.

On behalf of the other Board Members, I would like to thank the Management and staff of BSN who have played their roles with full commitment and dedication. Due to their excellent service, the Bank stands strong on their unwavering support and I welcome their contributions for years to come.

We also express our gratitude to our stakeholders and the regulators for their steadfast support and guidance. We will continue to serve the nation by offering financial products and services that are easily accessible and relevant for the future.

Thank you.

TAN SRI ABU BAKAR HJ ABDULLAH

Chairman, Bank Simpanan Nasional

LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



1. Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah
2. Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
3. Datuk Adinan Maning
(Tempoh tamat pada 30 November 2017)
(Term ended on 30 November 2017)

4. Encik Ramesh Pillai
(Tempoh tamat pada 20 April 2017)
(Term ended on 20 April 2017)
5. Encik Kamari Zaman Juhari
6. Professor Dr. Rozainun Hj Ab Aziz
(Tempoh bermula 19 Oktober 2017)
(Term starts on 19 October 2017)





- 7. Datuk Yunos Abd Ghani
(Tempoh bermula pada 1 Disember 2017)
(Term starts on 1 December 2017)
- 8. Encik Md Tajuddin Md Isa
- 9. Encik Alex Foong Soo Hah

- 10. Datuk Fazlur Rahman Ebrahim
(Tempoh bermula pada 6 Februari 2017)
(Term starts on 6 February 2017)
- 11. Tuan Haji Selamat Sirat
(Tempoh bermula pada 14 Jun 2017)
(Term starts on 14 June 2017)
- 12. Pn. Ummul Shirin Mohamed Thalha
(Setiausaha Lembaga/[Board Secretary](#))

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE

Tan Sri Abu Bakar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2013. Tan Sri Abu Bakar adalah Pengerusi Bank Simpanan Nasional.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengajian Antarabangsa dari University of Denver, Colorado, AS dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah dari Universiti Malaya. Beliau juga telah melengkapkan Program Pengurusan Lanjutan Harvard Business School.

Tan Sri Abu Bakar merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari Julai 2010 hingga Jun 2012.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Beliau memulakan kerjaya pada September 1977 di Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Domestik.

Selepas kembali dari Amerika Syarikat, beliau ditugaskan di Kementerian Pertahanan dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Angkatan Tentera pada 1988 sebelum dipindahkan ke Bahagian Pembangunan pada tahun 2000.

Pada 2001, beliau dinaikkan pangkat ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Setiausaha Pembangunan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang. Tiga tahun kemudian, beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan dan kemudian memegang jawatan yang sama di JPM pada 2005. Pada Julai 2007, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Tan Sri Abu Bakar was appointed as the Chairman to the Board on 1 March 2013. Tan Sri Abu Bakar is the Chairman of Bank Simpanan Nasional.

He holds an MA International Studies from University of Denver, Colorado, USA and BA (Hons) History from Universiti Malaya. He has also completed the Harvard Business School Advanced Management Program.

Tan Sri Abu Bakar was the Director General of the Public Service Department from July 2010 to June 2012.

He has over 30 years of experience in the public sector mainly in the area of administration and management. He started his career in September 1977 in the Ministry of International Trade & Industry as the Assistant Director of Domestic Trade Division.

After returning from the USA, he was posted to the Ministry of Defence with a promotion to the position of Principal Assistant Secretary of the Armed Forces Council in 1988 and then transferred to the Development Division in year 2000.

In 2001, he was promoted to the Prime Minister's Department (PMD) as the Secretary of Federal Territories Development and Klang Valley Planning. Three years later, he became the Deputy Secretary General in the Federal Territories Ministry and then held the same position in the PMD in 2005. In July 2007, he was promoted to the position of Secretary General of the Ministry of Defence.


A portrait of Tan Sri Abu Bakar HJ Abdullah, a middle-aged man with grey hair and a goatee, wearing glasses, a dark suit, and a green patterned tie. He is sitting and holding a tablet computer. The background is a blurred office setting. A large teal circle is on the left side of the image, and a maroon circle is at the bottom left, containing the text.

**TAN SRI
ABU BAKAR
HJ ABDULLAH**

Pengerusi Bukan Eksekutif
Non Executive Chairman

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 29 Julai 2015.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull di United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Beliau juga mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara (INTAN), Kuala Lumpur.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di Chartered Surveyor, C.H William, Talhar & Wong Sdn Bhd di Kuala Lumpur. Dari Julai 1997 hingga Jun 2000, beliau bertugas di Asian Development Bank di Manila sebagai Penasihat Pengarah. Beliau mempunyai pengalaman selama 29 tahun dalam sektor awam dan telah memegang beberapa jawatan di dalam Kerajaan antaranya di Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan dalam pengurusan pinjaman, pasaran kewangan, dan pengurusan aktuari. Kemudian pada Januari 2014, beliau dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan. Selepas dua tahun mengetuai Bahagian Pelaburan Strategik, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Bajet Negara, Kementerian Kewangan.

Datuk Ahmad Badri juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), DanaInfra Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad, Danajamin Nasional Berhad, serta Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir was appointed to the Board on 29 July 2015.

He holds a Master in Business Administration from University of Hull, United Kingdom and a Degree in Land and Property Management from MARA University of Technology (UiTM), Shah Alam. He also holds a Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration (INTAN), Kuala Lumpur.

He started his career as a Senior Valuation Executive with a Chartered Surveyor, C.H. William, Talhar & Wong Sdn Bhd in Kuala Lumpur. From July 1997 to June 2000, he was attached to the Asian Development Bank in Manila as the Director's Advisor. He has over 29 years of experience in the public sector and has held various positions in the Government service particularly in the Finance Division, Ministry of Finance covering loan management, financial markets and actuary management. Then in January 2014, he was promoted as the Under Secretary of Strategic Investment Division, Ministry of Finance. After two years leading the Strategic Investment Division, he was promoted to his current position as the Director of National Budget, Ministry of Finance.

Datuk Ahmad Badri currently sits on the Board of Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), DanaInfra Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad, Danajamin Nasional Berhad, as well as *Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam* (LPPSA).

DATUK AHMAD BADRI MOHD ZAHIR

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif
Non Independent
Non Executive Director

Datuk Yunos bin Abd Ghani dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Bank Simpanan Nasional pada 1 Disember 2017.

Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda dalam BA (Kewangan) dari Eastern Michigan University, Amerika Syarikat pada tahun 1985.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1985 sebagai Pegawai Kredit Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB). Pada tahun 1996, beliau telah ditugaskan ke Jepun dan dilantik sebagai Pengurus Besar BBMB, Cawangan Tokyo. Setelah empat tahun berkhidmat di Jepun, beliau kemudian dilantik sebagai Pengurus Besar Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Cawangan Luar Pesisir Labuan dan jawatan terakhir beliau adalah Naib Presiden dan Ketua Perbankan Pengguna BMMB di Kuala Lumpur. Selama tempoh 20 tahun tersebut, beliau telah memperoleh pelbagai pendedahan dan pengetahuan yang berharga dalam bidang perbankan.

Pada akhir tahun 2005, Datuk Yunos telah menyertai BSN dan memegang jawatan sebagai Pengarah, Operasi Perbankan. Pada September 2006, beliau menyertai Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga Mac 2010.

Sehingga kini, Datuk Yunos adalah Pengarah di BSNC Corporation Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad dan Permodalan BSN Berhad. Beliau juga merupakan Bendahari Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia dan Ahli Majlis Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM).

Datuk Yunos bin Abd Ghani was appointed as the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional (BSN) on 1 December 2017.

He received his Bachelor Degree in BA (Finance) from Eastern Michigan University, United States in 1985.

He started his career in 1985 as a Credit Officer of Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB). In 1996, he was assigned to Japan and assumed the position of General Manager for BBMB, Tokyo Branch. After four years in Tokyo, he was then appointed as the General Manager of Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Labuan Offshore Branch. His last position in BMMB was as the Vice President and Head of Consumer Banking in Kuala Lumpur. Having served BBMB in various departments and branches for 20 years, Datuk Yunos has gathered experience and knowledge in banking.

In late 2005, Datuk Yunos joined BSN and assumed the position of Director, Banking Operation. In September 2006, he joined Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) as the Chief Executive Officer until March 2010.

Datuk Yunos currently sits on the Board of BSNC Corporation Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad and Permodalan BSN Berhad. He is also the Treasurer of Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia and a Council Member of Association of Development Finance Institution of Malaysia (ADFIM).

DATUK YUNOS ABD GHANI

Ketua Eksekutif
Chief Executive

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Encik Alex Foong Soo Hah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September 2010. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Matematik dari Universiti Malaya pada tahun 1975 dan Ijazah Sarjana Sains Aktuari dari North Eastern University, Boston pada tahun 1977. Beliau merupakan Felo Persatuan Aktuari Amerika Syarikat. Beliau ditauliahkan sebagai Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) pada tahun 2008 dan juga mendapat kelayakan RFP Syariah pada tahun 2009.

Beliau mempunyai lebih daripada 35 tahun pengalaman dalam industri insurans dengan memulakan kerjayanya sebagai pembantu aktuari kumpulan insurans antarabangsa di Hong Kong. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif British American Life Insurance Berhad (kini dikenali sebagai Manulife Insurance Berhad) dari 1991 hingga Ogos 1996. Beliau menyertai Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutifnya pada September 1996. Beliau bersara dari syarikat itu pada tahun 2009.

Pada masa ini, Encik Alex Foong merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), *Private Pension Administrator* (PPA), MRCB-Quill Reit, Aviva Limited (Singapore) dan Nirvana Asia Limited (Hong Kong).

Encik Alex Foong Soo Hah was appointed to the Board on 1 September 2010. He holds a Bachelor of Science (Hons) in Mathematics from Universiti Malaya, 1975 and a Master of Actuarial Science degree from Northeastern University, Boston, 1977. He is a Fellow of the Society of Actuaries, USA. He obtained his Registered Financial Planner (RFP) and Shariah RFP qualification in 2008 and 2009, respectively.

He has over 35 years experience in the insurance industry having started his career as an actuarial assistant with an international insurance group in Hong Kong. He was formerly the CEO of British American Life Insurance Berhad (currently known as Manulife Insurance Berhad) from 1991 to August 1996. In September 1996, he joined Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad as its Director and CEO. He retired from the company in 2009.

Encik Alex Foong currently sits on the Board of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Private Pension Administrator (PPA) Malaysia, MRCB-Quill Reit, Aviva Limited (Singapore) and Nirvana Asia Limited (Hong Kong).

ENCIK ALEX FOONG SOO HAH

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Encik Md Tajuddin Md Isa telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 15 September 2010.

Beliau adalah lulusan dari Sekolah Pegawai Kadet, Tentera Darat Australia, Portsea, Victoria, Australia pada tahun 1978 dan ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Melayu Diraja Angkatan Tentera Malaysia. Beliau meletakkan jawatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1986 dengan pangkat Kapten dan meneruskan pengajian perundangan di University of Sheffield, England, United Kingdom. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Kelas Kedua (atas) LL.B (Kepujian) pada tahun 1989 dan kemudian memperoleh Sijil Amalan Guaman dari Lembaga Kelayakan Profesional, Undang-Undang pada tahun 1990 dan diterima masuk serta didaftarkan sebagai Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1991.

Beliau memulakan kerjaya sebagai peguam di Tetuan Zain & Co pada tahun 1991 dan seterusnya memulakan firma guaman sendiri sebagai Rakan Kongsi Mengurus di Tetuan Md Tajuddin & Co. Beliau mempunyai pengalaman luas di dalam bidang litigasi serta 'corporate' dan 'conveyancing' dengan memberikan fokus yang lebih kepada bidang Perbankan Islam sejak tahun 1991. Beliau memperoleh Diploma Lulusan Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional pada 15 September 2010 dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Simpanan Nasional, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Dana Amal Jariah; ahli panel Jawatankuasa Tata tertib, Peguambela & Peguamcara, Lembaga Tata tertib; ahli Persatuan Tenaga Profesional, Malaysia; dan ahli Persatuan Penasihat Syariah, Malaysia.

Encik Md. Tajuddin Md. Isa was appointed to the Board on 15 September 2010.

He graduated from the Australian Army, Officer Cadet School, Portsea, Victoria, Australia in 1978 and was commissioned as an officer with the rank of Second Lieutenant in the Royal Malay Regiment of the Malaysian Armed Forces. He resigned from the Malaysian Armed Forces in 1986 with the rank of Captain and proceeded to read law at the University of Sheffield, England, United Kingdom. He graduated with a second class (upper) LL.B (honours) degree in 1989 and thereafter obtained his Certificate of Legal Practice from the Legal Profession Qualifying Board and admitted as an advocate and solicitors of the Malaya High Court in 1991.

He started legal practice at Messrs Zain & Co in 1991 and thereafter set up his own legal firm as the Managing Partner at Messrs Md Tajuddin & Co, Advocates & Solicitors, Kuala Lumpur and has considerable experience in litigation, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking since 1991. He obtained his Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University Malaysia (IIUM). He was appointed to the Board of Directors of Bank Simpanan Nasional (National Savings Bank) on 15 September, 2010 and is also a member of the Shariah Advisory Committee of Bank Simpanan Nasional, member of the Board of Trustees, Dana Amal Jariah, panel member of the Disciplinary Committee, Advocates & Solicitors, Disciplinary Board, member of Malaysian Association of Energy Professional, member of Association of Shariah Advisors, Malaysia.

ENCIK MD TAJUDDIN MD ISA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Encik Kamari Zaman Juhari dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 21 April 2014.

Sebelum ini beliau merupakan Pengarah Jabatan Kewangan Pembangunan dan Perusahaan Bank Negara Malaysia. Jabatan tersebut bertanggungjawab memelihara pembangunan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang teguh dan progresif selain membangunkan SME yang berdaya saing dalam mencapai matlamat sosio-ekonomi negara.

Encik Kamari Zaman Juhari menyertai Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1982 dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi Sumber dari Universiti Putra Malaysia dan seterusnya memperoleh Keahlian Felo Mason sebaik menerima Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Harvard pada 1990.

Pada 1992, beliau dilantik sebagai Ketua Unit Luar Pesisir di Labuan dan pada tahun yang sama memegang jawatan Ketua Pedagang Forex sehingga 1996. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengurus Besar di Lembaga Pembangunan Labuan sehingga 1999. Beliau kemudiannya dipindahkan semula ke BNM dengan memegang jawatan sebagai Ketua Unit Khas SME. Dari tahun 2000, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Unit Penyiasatan Khas (2000-2004), Pengarah Jabatan Sumber Manusia (2004-2007), dan akhir sekali sebagai Pengarah Jabatan Kewangan Pembangunan dan Perusahaan pada 2008. Sebaik bersara dari Bank Negara Malaysia, beliau menyertai Bank Simpanan Nasional. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di KL Remit Exchange Sdn Bhd, Permodalan BSN Berhad dan Pengerusi Coopbank Persatuan.

Mr Kamari Zaman Juhari was appointed to the Board on 21 April 2014.

He was formerly the Director of Bank Negara Malaysia's Department of Finance for Development and Enterprise. The department is responsible for fostering the development of robust and progressive Development Financial Institutions, and developing competitive SMEs in achieving the socio-economic objectives of the country.

Mr Kamari Zaman Juhari joined Bank Negara Malaysia in 1982 with a Bachelor's Degree in Resource Economics from University Putra Malaysia and later gained a Mason Fellowship upon graduating with a Masters in Public Administration from Harvard in 1990.

In 1992, he was appointed as the Head of Offshore Unit in Labuan and then held the position of Chief Forex Trader until 1996. He also served as Deputy General Manager with the Labuan Development Authority until 1999. He was then transferred back to BNM and assumed the position of Head of SME Special Unit. From 2000, he was successively promoted to Director of Special Investigation Unit (2000-2004), Director of Human Resource Department (2004-2007), and finally Director of Development Finance and Enterprise Department in 2008. Upon his retirement from Bank Negara Malaysia, he joined Bank Simpanan Nasional. He also sits on the Board of KL Remit Exchange Sdn Bhd, Permodalan BSN Berhad and is the Chairman of Coopbank Persatuan.

ENCIK KAMARI ZAMAN JUHARI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director



Datuk Fazlur Rahman Ebrahim, warganegara Malaysia, berumur 63 tahun, adalah bekas Pengarah Urusan Prokhas Sdn Bhd, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 6 Februari 2017. Beliau kini merupakan Penasihat Korporat Johor Corporation. Beliau menganggotai Lembaga Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pelaburan Hartanah Berhad, Kaunseling Kredit dan Agensi Pengurusan Hutang, Permodalan FELCRA Sdn Bhd, Johawaki Holdings Sdn Bhd, Avisena Holdings Sdn Bhd dan Dana Amal Jariah.

Beliau juga adalah ahli Majlis Syariah BNP Paribas Malaysia Berhad dan Jawatankuasa Audit Sekolah Kerajaan Razak. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad, Ketua Pegawai Operasi Bank Islam Malaysia Berhad dan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad.

Datuk Fazlur Rahman memegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Fazlur Rahman Ebrahim, a Malaysian, aged 63, is the former Managing Director of Prokhas Sdn Bhd, a company wholly-owned by the Minister of Finance Incorporated. He was appointed to the Board on 6 February 2017. He is currently the Corporate Advisor of Johor Corporation. He sits on the Board of Securities Commission Malaysia, Pelaburan Hartanah Berhad, Credit Counselling and Debt Management Agency, Permodalan FELCRA Sdn Bhd, Johawaki Holdings Sdn Bhd, Avisena Holdings Sdn Bhd and Dana Amal Jariah.

He is also a member of the Shariah Council of BNP Paribas Malaysia Berhad and the Audit Committee of the Razak School of Government. He has served as Chief Executive Officer of Bank Muamalat Malaysia Berhad, Chief Operating Officer of Bank Islam Malaysia Berhad and as a Non-Executive Director of Felda Global Ventures Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Malaysia Debt Ventures Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Syarikat Jaminan Pembiayaan Berhad and Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad.

Datuk Fazlur Rahman holds a Bachelor's Degree in Business Administration from Ohio University, United States of America and Masters Degree in Business Administration (Finance) from Universiti Kebangsaan Malaysia.



A portrait of Datuk Fazlur Rahman Ebrahim, a middle-aged man with short dark hair and glasses, wearing a dark suit, a light blue shirt, and a green patterned tie. He is smiling and looking towards the camera. The background is a blurred office setting.

DATUK FAZLUR RAHMAN EBRAHIM

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Tuan Hj Selamat Bin Sirat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Jun 2017.

Tuan Hj Selamat adalah bekas Ketua Pegawai Operasi, Al Rajhi Bank, dari Januari 2013 hingga Februari 2017, dan telah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif selama hampir 18 bulan. Beliau bertanggungjawab secara keseluruhan untuk membangun dan melaksanakan arahan strategik operasi untuk operasi Bank. Beliau berkecayaan dengan lebih daripada 33 tahun pengalaman bekerja di Bank-bank antarabangsa.

Setelah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti sebagai Banker Korporat, Pengurus Perniagaan untuk Industri Kecil dan Sederhana, Perbankan Pengguna, Pengurus Kanan di Bahagian Perbankan Islam, Tuan Hj Selamat adalah seorang yang terlatih dan mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek perbankan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Dubuque, Iowa, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan juga Perancang Kewangan yang Disahkan dalam Perancangan Kewangan Islam.

Tuan Hj Selamat Bin Sirat was appointed to the Board on 14 June 2017

Tuan Hj Selamat was formerly the Chief Operating Officer, of Al Rajhi Bank, from January 2013 until February 2017, and assumed the post of Acting CEO for almost 18 months. He was overall responsible for developing and implementing operational strategic direction for the Bank's operations. He is a qualified banker with more than 33 years of experience working in international Banks.

Having served in various capacities as Corporate Banker, Business Manager for Small and Medium industry, Consumer Banking, Senior Manager in Islamic Banking division, Tuan Hj Selamat has vast experience in all aspects of banking.

He holds a Master's Degree in Business Administration from University Dubuque, Iowa, Bachelor of Economics from Universiti Malaya and is also a Certified Financial Planner in Islamic Financial Planning.

TUAN HAJI SELAMAT SIRAT

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Prof. Dr. Rozainun telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 19 Oktober 2017. Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz kini merupakan profesor perakaunan pengurusan di Fakulti Perakaunan, UiTM Selangor dan Akauntan Bertauliah Malaysia, CA (M). Beliau pernah menjadi Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia. Prof. Dr. Rozainun adalah alumni UiTM, lulusan Diploma Perakaunan. Beliau memperolehi Sarjana Sains (Ekonomi) dalam Perakaunan dan Kewangan dari University of Wales, Aberystwyth dan mempunyai ijazah PhD dari University of Salford, United Kingdom. Bidang yang diminati beliau adalah perakaunan pengurusan, perakaunan forensik dan pengurusan risiko.

Beliau adalah ahli Felo CIMA (UK) dan CGMA (Chartered Global Management Accountant), serta ahli Felo CPA (Australia). Beliau juga merupakan ahli Affiliate AICB (Asian Institute of Chartered Bankers) dan Ahli Emas serta Ahli Akademik Bersekutu ISACA.

Prof. Dr. Rozainun was appointed to the Board on 19 Oktober 2017. Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz is currently a professor of management accounting at the Faculty of Accountancy, UiTM Selangor and a Chartered Accountant of Malaysia, CA(M). She was formerly a council member of the Malaysian Institute of Accountants. Prof. Dr. Rozainun is an alumni of UiTM, a graduate of Diploma in Accountancy (1981). She obtained her Master of Science (Econs) in Accounting and Finance from University of Wales, Aberystwyth and a PhD degree from the University of Salford, United Kingdom. Her areas of interest are management accounting, forensic accounting and risk management.

She is a Fellow member of CIMA (UK) and CGMA (Chartered Global Management Accountant), as well as a Fellow member of CPA (Australia). She is an Affiliate of AICB (Asian Institute of Chartered Bankers) and an ISACA Academic Associate Gold Member.


A portrait of Prof. Dr. Rozainun Haji Abdul Aziz, a woman wearing a dark purple hijab and glasses, smiling. She is seated and wearing a dark blazer. The background is a blurred office setting.

PROF. DR. ROZAINUN HAJI ABDUL AZIZ

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Datuk Adinan dilantik sebagai Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional pada 1 Disember 2007 dan telah menjadi ahli Lembaga Pengarah semenjak itu.

Datuk Adinan mendapat pengajian dalam bidang perakaunan di Institut Teknologi MARA (1976 hingga 1979) dan seterusnya menduduki peperiksaan Institut Akauntan Kos dan Pengurusan (kini dikenali sebagai Institut Akauntan Pengurusan Berkanun).

Beliau memulakan kerjaya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada awal tahun 1980. Beliau telah berkhidmat dengan BBMB selama 18 tahun dan seterusnya berkhidmat dengan syarikat-syarikat lain yang terlibat dengan pembangunan hartanah, pembinaan, pengilangan, pengilangan tepung dan pemulihan & pengurusan aset.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi, BSNC Corporation Berhad, Ahli Lembaga Pengarah Prudential BSN Takaful Berhad, Gibraltar BSN Life Berhad dan Permodalan BSN Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Institut Bank Simpanan Dunia (WSBI), Bendahari kepada Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia dan Ahli Majlis Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM).

Datuk Adinan Maning was appointed to the Board on 1 December 2007. He is the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional.

Datuk Adinan pursued accountancy in Institute Teknologi MARA (1976 to 1979) where he completed the examinations of the Institute of Cost and Management Accountants (now known as Chartered Institute of Management Accountants).

He started his career in Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) in early 1980. He served BBMB for 18 years and subsequently served other companies involved in property development, construction, manufacturing, flour milling and recovery & asset management.

He is currently the Chairman of BSNC Corporation Berhad and sits on the Board of Prudential BSN Takaful Berhad, Gibraltar BSN Life Berhad and Permodalan BSN Berhad. He is a Board Member of the World Savings Banks Institute (WSBI), Treasurer of Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia and a Council Member of Association of Development Financial Institutions of Malaysia (ADFIM).

DATUK ADINAN MANING

Ketua Eksekutif
Chief Executive

Encik Ramesh Pillai dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 21 April 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari Universiti Loughborough dengan pengkhususan dalam Ekonomi dan Perbankan secara am, dan Perbankan Islam secara khusus. Beliau merupakan Felo di *Institute of Chartered Accountants in England and Wales* (1991), Pengurus Risiko Perusahaan Bertauliah (ERM), Ahli Profesional Risiko Bertauliah (CRP), Pengarah Risiko Bertauliah (QRD), Pengurus Risiko Perusahaan Islam bertauliah (ERMI), dan Juruaudit Risiko Bertauliah (QRA).

Ramesh juga merupakan Pengarah Serantau bagi Global Association of Risk Professionals (GARP) dan telah memainkan peranan penting dalam penubuhan *Professional Risk Managers International Association* (PRMIA) di Malaysia. Beliau adalah sumber Pengurusan Risiko Islamik dan Konvensional bagi Lembaga Pelaburan Qatar dan disenaraikan dalam Direktori Kewangan-Q. Terkini, Ramesh adalah mentor Pengurusan Risiko bagi program Serantau F-TEN ICAEW selain menjadi ahli Lembaga Penasihat dan ahli Panel Pakar bagi Komuniti Risiko Global.

Beliau memulakan kerjaya bersama Institusi Kewangan Price Waterhouse di London dan diikuti dengan pelbagai jawatan lain di London termasuk sebagai Pengarah Kewangan dan Pentadbiran bagi sebuah anak syarikat GEC dari Amerika. Ramesh kemudiannya berkhidmat di Indonesia dalam Pembiayaan Projek, dan seterusnya menyertai Citibank di mana beliau mengetuai Pentadbiran Kredit dan Pengurusan Portfolio. Beliau memiliki pengalaman selama 29 tahun dalam sektor awam dan swasta serta telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Kewangan, dan Ketua Pegawai Risiko Kumpulan (di Bank-bank Konvensional dan Islam). Beliau juga pernah berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional sebagai Ketua Pegawai Risiko serta Bank Negara Malaysia sebagai Ketua Pasukan Insurans Deposit.

Ramesh juga telah berkhidmat, dalam tempoh 10 tahun, sebagai Penasihat Bebas Pengurusan Risiko kepada Lembaga Tabung Haji (Pengurusan Dana Islam) dan Amanah Raya Berhad (Pemegang Amanah Awam).

Beliau kini adalah Pengerusi Lembaga Gabenor Institut Pengamal Risiko Perusahaan (menyediakan pensijilan profesional dalam Pengurusan Risiko Organisasi) serta Pengarah Urusan Friday Concepts (International), sebuah Butik Perunding Pengurusan Risiko Antarabangsa.

Encik Ramesh Pillai was appointed to the Board on 21 April 2014.

He holds a Bachelor of Science (Honours) in Economics with Accountancy from Loughborough University where he specialised in Economics and Banking in general, and Islamic Banking in particular. He is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (1991), a Certified Enterprise Risk Manager (ERM), a Certified Risk Professionals (CRP), a Qualified Risk Director (QRD), a certified Islamic Enterprise Risk Manager (ERMI), and a Qualified Risk Auditor (QRA).

Ramesh was also a Regional Director for the Global Association of Risk Professionals (GARP) and was instrumental in the creation of the Malaysian chapter of the Professional Risk Managers International Association (PRMIA). He is an Islamic and Conventional Risk Management resource for the Qatar Investment Authority and is listed in their Q-Finance Directory. Ramesh is currently the Risk Management mentor on the ICAEW's Regional F-TEN program and is a member of the Advisory Board and also on the Panel of Experts of the GlobalRisk Community.

He started his career in Price Waterhouse's Financial Institutions specialism in London following which he held various positions in London including becoming the Director of Finance and Administration for an American subsidiary of GEC. Ramesh then went on to work in Indonesia, involved in Project Financing, following which he joined Citibank where he headed the Credit Administration and Portfolio Management functions. He has over 29 years of experience in the public and private sector and has held various positions, including that of CEO, Finance Director, and Group Chief Risk Officer (in Conventional and Islamic Banks). He was also with Pengurusan Danaharta Nasional as its Chief Risk Officer as well as Bank Negara Malaysia as the Head of its Deposit Insurance Taskforce.

Ramesh has also served, over a 10 year period, as the Independent Risk Management Advisor to Lembaga Tabung Haji (Islamic Fund Management) and Amanah Raya Berhad (Public Trustee).

He is currently Chairman of the Board of Governors of the Institute of Enterprise Risk Practitioners (providing professional certification in Enterprise Risk Management) as well as the Group Managing Director of Friday Concepts (International), an International Boutiques Risk Management consultancy.

A portrait of Encik Ramesh Pillai, a middle-aged man with dark hair, wearing glasses, a dark suit, a white shirt, and a patterned tie. He is smiling and looking towards the camera. The background is a soft, out-of-focus indoor setting.

ENCIK RAMESH PILLAI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE

Dr. Ahmad Zaki Salleh merupakan seorang pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan mengajar mata pelajaran berkaitan Perbankan Islam dan Takaful serta Pasaran Modal Islam bagi pelajar-pelajar peringkat pra dan pasca siswazah. Beliau sebelum itu memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Syariah dari Universiti al-Albays, Jordan. Seterusnya beliau mendapat Ijazah Sarjana Syariah dan Ph.D dalam bidang Pasaran Modal Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga sedang menyelia tesis beberapa orang pelajar di peringkat ijazah sarjana dan kedoktoran dalam bidang Syariah, Kewangan Islam dan Muamalat. Dr. Zaki telah menerbitkan beberapa artikel tentang undang-undang kontrak Islam, Perbankan Islam dan Pasaran Modal Islam; selain daripada terlibat secara aktif di dalam beberapa penyelidikan di institusi akademiknya. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Prudential BSN Takaful Berhad dan juga telah dilantik sebagai Pakar Syariah (Pasaran Modal Islam) di IIFIN Consulting Sdn Bhd semenjak 2010.

Dr. Ahmad Zaki Salleh is currently a lecturer at Islamic Science University Malaysia (USIM). He has been teaching Islamic Banking and Takaful and Islamic Capital Market courses to undergraduate and postgraduate students. He obtained his first degree in Shariah from al-Albays University, Jordan. Then he obtained a Master Degree in Shariah and Ph.D in Islamic Capital Market from the International Islamic University Malaysia (IIUM). He is also currently supervising a number of Masters and Ph.D candidates in Shariah, Islamic Finance and Muamalat field. Dr. Zaki has published several articles on Islamic law of contract, Islamic Banking and Islamic Capital Market, and actively involved in numerous research projects in his academic institution. He is one of the members of the Shariah Committee Prudential BSN Takaful Berhad and has also been appointed as Shariah Expert (Islamic Capital Market), at the IIFIN Consulting Sdn Bhd since 2010.

**DR. AHMAD
ZAKI SALLEH**

Pengerusi
Chairman

Dr. Mohd Fuad Md Sawari ialah Penolong Profesor di Jabatan Fiqh & Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan (IRKHS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperolehi ijazah pertama dalam jurusan Syariah dari Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Ijazah Sarjana M.A (Fiqh & Usul al-Fiqh) dari Fakulti Syariah, Universiti Jordan, Amman dan seterusnya Ijazah Ph.D (Fiqh & Usul al-Fiqh) dari UIAM. Bidang pengkhususan beliau adalah Undang-undang Kontrak Islam, Takaful, Kaedah-kaedah Fiqh, Perdagangan Elektronik, dan Usul al-Fiqh. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Syariah, PruBSN Takaful dan ahli Jawatankuasa Syariah, Kenanga Investment Bank Berhad.

Dr. Mohd Fuad Md Sawari is currently an Assistant Professor at Department of Fiqh & Usul al-Fiqh, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (IRKHS), International Islamic University Malaysia (IIUM). He obtained his first degree in Shariah from the Faculty of Shariah, Islamic Academy, University of Malaya, M.A. in Fiqh & Usul al-Fiqh from the Faculty of Shariah, University of Jordan, Amman, and Ph.D. in Fiqh & Usul al-Fiqh from the International Islamic University Malaysia. His research interests are Islamic Law of Contract, Takaful, Islamic Legal Maxim, Electronic Commerce, and Principles of Islamic Jurisprudence (Usul Al-Fiqh). He is also a Chairman of the Shariah Committee of Prudential BSN Takaful Berhad and a member of the Shariah Committee of Kenanga Investment Bank Berhad.

Encik Md. Tajuddin Md. Isa merupakan lepasan Officer Cadet School, Portsea, Victoria, Australia dan ditauliahkan sebagai seorang pegawai tentera dengan Rejimen Askar Melayu Diraja, Angkatan Tentera Malaysia. Beliau menuntut di University of Sheffield, England dalam jurusan Undang-Undang dan seterusnya memperolehi Sijil Amalan Guaman dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang. Beliau kini ialah Pengarah Urusan Tetuan Md Tajuddin & Co, Peguambela & Peguamcara, Kuala Lumpur dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang litigasi, korporat dan 'conveyancing' dengan penekanan dalam Perbankan Islam sejak tahun 1990. Beliau memperolehi Diploma Pasca Ijazah Perbankan Islam dan Kewangan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga seorang ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah PruBSN Takaful, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Dana Amal Jariah dan Ahli Panel Jawatankuasa Disiplin, Lembaga Tata tertib Peguam Peguam.

Encik Md. Tajuddin Md. Isa graduated from the Officer Cadet School, Portsea, Victoria, Australia and was commissioned as an officer with the Royal Malay Regiment of the Malaysian Armed Forces. He read law at the University of Sheffield, England and obtained his Certificate of Legal Practice with the Legal Profession Qualifying Board. He is currently the Managing Partner at Messrs Md Tajuddin & Co, Advocates & Solicitors, Kuala Lumpur and has considerable experience in litigation, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking since 1990. He obtained his Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and is also a member of the Board of Directors of Bank Simpanan Nasional. He is also a Chairman of Board of Directors, PruBSN Takaful, a Member of the Board of Trustee, Dana Amal Jariah and a Panel Member, Disciplinary Committee, Advocates & Solicitors Disciplinary Board.

**DR. MOHD FUAD
MD SAWARI**

Ahli
Member

**ENCIK
MD. TAJUDDIN
MD. ISA**

Ahli
Member

JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE

Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau mendapat Ijazah B.A (Kepujian) Syariah dan Undang-Undang dari USIM dan seterusnya Ijazah Sarjana Undang-Undang Syariah dari Universiti Jordan dan Ph.D dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang pengkhususan beliau adalah Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Pasaran Modal Islam, Pengurusan Kewangan Islam, Kaedah-Kaedah Fiqh dan Perundangan Islam. Selain menerbitkan beberapa penulisan akademik, beliau turut terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan di USIM.

Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria is currently a Senior Lecturer at Faculty of Shari'ah and Law; Islamic Science University Malaysia (USIM). He obtained his first degree in Shari'ah and Judiciary from USIM, Master of Shariah Judiciary from University of Jordan and Ph.D in Fiqh and Usul al-Fiqh (Shariah) from International Islamic University Malaysia (IIUM). His areas of interest are Fiqh Muamalat, Islamic Banking and Finance, Islamic Capital Market, Islamic Wealth Management, Islamic Legal Maxims and Islamic Jurisprudence. Dr. Zaharuddin has published several articles on Islamic law of contract, Islamic Capital Market, and actively involved in numerous research projects in his academic institution (USIM).

Dr. Fauziah Mohd Noor ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Pengajian Undang-Undang, Kerajaan dan Antarabangsa, UUM. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Penolong Professor di Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperolehi Ijazah pertamanya dalam jurusan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kemudian beliau mendapat Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM) dari School of Oriental and African Studies, Universiti London, dan Ijazah Ph.D dari Universiti Birmingham (Undang-Undang Pertanian, Kajian Perbandingan Undang-Undang Pertanian Islam dan Undang-Undang Malaysia). Bidang pengkhususannya adalah Usul al-Fiqh, Perbankan Islam, Undang-Undang Keluarga Islam dan Undang-Undang Tanah Islam.

Dr. Fauziah Mohd Noor is a Senior Lecturer at School of Law, College of Law, Government and International Studies, University Utara Malaysia. Previously she served as an Assistant Professor at Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia. She obtained her first degree in Shariah, Academy of Islamic Studies University of Malaya. Then she obtained her Master in Law (LLM), School of Oriental and African Studies, University of London, and Ph.D. from University of Birmingham (Agricultural Law, A Comparative Studies between Islamic Agricultural Law and the Malaysian Law). Her areas of interest are Islamic Jurisprudence (Usul Al-Fiqh), Islamic Banking, Islamic Family Law, and Islamic Land Law.




**DR. MOHAMAD
ZAHARUDDIN
ZAKARIA**

Ahli
Member



**DR. FAUZIAH
MOHD NOOR**

Ahli
Member



**DI BSN, KAMI BERASPIRASI
UNTUK SENTIASA MENINGKATKAN
DAN MENYAMPAIKAN
PERKHIDMATAN YANG LEBIH
BAIK KEPADA ANDA, MELALUI
SALURAN YANG LEBIH BAIK.**

**OUR ASPIRATION AT BSN IS TO ALWAYS GO
FURTHER AND PROVIDE BETTER SERVICES
THROUGH BETTER CHANNELS.**

PENGURUSAN MANAGEMENT



**Datuk Adinan
Maning**

Ketua Eksekutif
Chief Executive

(Sehingga 30 November 2017)
(Until 30 November 2017)



**Datuk Yunos
Abd Ghani**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Sokongan Perniagaan
Deputy Chief Executive,
Business Support

(Dilantik sebagai Ketua Eksekutif pada
1 Disember 2017)

(Appointed as Chief Executive on
1 December 2017)

**Ahmad Latfan
Mohd Amran**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Sokongan Korporat
Deputy Chief Executive,
Corporate Support



**Frederick
Siew Kin Meng**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Perbankan Runcit
Deputy Chief Executive,
Retail Banking

**Kameel
Abdul Halim**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Strategi dan Komunikasi
Deputy Chief Executive,
Strategy and Communications



**Dato' Mearia @
Massahariah Hamzah**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Peruncitan & Perniagaan Komuniti
Senior Vice President/Head,
Retail & Community Business

**Nilammasri
Ja'afar**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Pembiayaan & Pembangunan
Perniagaan
Senior Vice President/Head,
Business Financing & Development



**Ummul Shirin
Mohamed Thalha**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Undang-Undang &
Sekretariat Korporat
Senior Vice President/Head,
Legal & Corporate Secretariat

**Azlan
Abu Bakar**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Operasi Perbankan
Senior Vice President/Head,
Banking Operations



**Akhsan
Zaini**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Distribution
Senior Vice President/Head,
Distribution

**Damanhuri
Mahmod**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Teknologi Maklumat
Senior Vice President/Head,
Information Technology



**Kamel Effendy
Mohd Razali**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Khidmat Pengurusan &
Pemulihan Hutang
Senior Vice President/Head,
Debt Management &
Recovery Services

**Mohd Fauzi
Rahmat**

Naib Presiden Kanan/
Ketua Pegawai Risiko,
Pengurusan Risiko
Senior Vice President/
Chief Risk Officer,
Risk Management

PENGURUSAN MANAGEMENT



**Ahmad Noh
Jeni**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Keselamatan
Senior Vice President/Head,
Security

**Asaraf
Aboo Bakar**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Perbendaharaan & Pelaburan
Senior Vice President/Head,
Treasury & Investment



**Jay Khairil Jeremy
Abdullah**

Naib Presiden Kanan/Ketua
Juruaudit Dalaman
Senior Vice President/Chief
Internal Auditor

**Mohd Sofian
Amirudin**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Perniagaan Kad
Senior Vice President/Head,
Cards Business



**Muhammad Adlan
Hussan**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Perbankan Digital
Senior Vice President/Head,
Digital Banking

**Noor Azmi
Jaafar**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Kewangan
Senior Vice President/Head,
Finance



**Norshahzan
Halin**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Pematuhan
Senior Vice President/Head,
Compliance

**Puspa Marina
Dato' Haji Omar**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Komunikasi Strategik
Senior Vice President/Head,
Strategic Communications



**Rosman
Ramlan**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Pentadbiran Am
Senior Vice President/Head,
General Administration

**Suhaimi
Mohamad**

Naib Presiden Kanan/Ketua,
Operasi Peruncitan Kredit
Senior Vice President/Head,
Retail Credit Operations



**Haniza
Mohamad Fadzil**

Naib Presiden/Ketua,
Pembelajaran & Pembangunan
Vice President/Head,
Learning & Development

**Haris Yaakob
Abdullah**

Naib Presiden/Ketua,
Strategi Korporat
Vice President/Head,
Corporate Strategy



**Syanorida
Bahari**

Naib Presiden/Ketua,
Pengurusan Sumber Manusia
Vice President/Head,
Human Resource Management

**Mohd Supian
Mat Nan**

Naib Presiden/Ketua,
Perbankan Islam
Vice President/Head,
Islamic Banking



Menghubung Gaya Hidup Generasi Baru

Connecting with New Generation Lifestyles



Pada 2008, BSN telah memperkenalkan Sistem Perbankan SMS (BSN:SMS) dan kemudiannya pada 2010, Perbankan Internet myBSN telah dilancarkan sebagai saluran perbankan pilihan yang menyasarkan golongan belia dan eksekutif muda. Pembaharuan teknologi turut menyelaraskan platform perbankan yang berlainan, daripada perbankan di kaunter kepada perbankan Internet dan SMS. Setakat ini, BSN telah menarik lebih 1,610,549 pelanggan untuk mendaftar bagi BSN:SMS, sementara 730,157 pelanggan telah pun mendaftar bagi kemudahan perbankan dalam talian BSN.

In 2008, BSN introduced SMS Banking (BSN:SMS) and later in 2010, myBSN Internet Banking was rolled out as an alternative banking channel targeting youths and young executives. Technological advancements have made possible seamless integration among different banking platforms from over-the-counter to the internet and SMS banking. To date, BSN has attracted over 1,610,549 customers registrations for BSN:SMS whereas 730,157 customers have registered for BSN online banking.


PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/DIMANDATKAN

DEVELOPMENT/MANDATED ACHIEVEMENTS



HASIL PEMBANGUNAN DEVELOPMENT OUTCOMES

Objektif Objective	Tindakan Strategik Strategic Actions	Sasaran Prestasi 2017 2017 Performance Target	Prestasi Sebenar sehingga 31 Disember 2017 Actual Performance as at 31 December 2017	Sasaran Prestasi 2018 2018 Performance Target
Akses kepada perkhidmatan kewangan untuk masyarakat luar bandar Accessibility to financial services to unserved communities in the rural areas	Mengoptimumkan jangkauan Ejen Bank (EB) dan menambah perkhidmatan sedia ada di premis EB Optimise outreach of Agent Banking (EB) as well as increase services available at EB premises	Meliputi 98% mukim 98% coverage of mukims	Perkhidmatan EB meliputi 96.4% mukim 96.4% of mukim served by EB	Meliputi 98% mukim 98% coverage of mukims
Menangani masalah ketidakmampuan golongan belia memiliki rumah pertama To address inability of youths to purchase their first home	Menyediakan pakej pembiayaan Skim Perumahan Belia (SPB) kepada pasangan berkahwin untuk memiliki rumah pertama mereka Provide Youth Housing Scheme (YHS) financing package to married youths who are first time house buyers	Permohonan Application RM929.3 juta million Kelulusan Approval RM512.3 juta million Penerimaan Acceptance RM360.1 juta million	Permohonan Application RM1,215.3 juta million Kelulusan Approval RM698.9 juta million Penerimaan Acceptance RM573.8 juta million	Permohonan Application RM2,405.3 juta million Kelulusan Approval RM1,081.5 juta million Penerimaan Acceptance RM754.6 juta million



OUTPUT SEKTOR YANG DIMANDATKAN MANDATED SECTOR OUTPUT

Objektif Objective	Tindakan Strategik Strategic Actions	Sasaran Prestasi 2017 2017 Performance Target	Prestasi Sebenar sehingga 31 Disember 2017 Actual Performance as at 31 December 2017	Sasaran Prestasi 2018 2018 Performance Target
Membangunkan Usahawan Mikro di Malaysia Development of Micro Entrepreneurs in Malaysia	Tumpuan ke atas pembiayaan Usahawan Mikro terutamanya dalam sektor: - Perkhidmatan - Pembuatan - Peruncitan Focus on financing Micro Entrepreneurs especially in the areas of: - Services - Manufacturing - Retail	Pengeluaran Disbursement Pembiayaan Mikro Micro Finance RM233.1 juta million Mikro Plus Micro Plus RM19.5 juta million	Pengeluaran Disbursement Pembiayaan Mikro Micro Finance RM191.2 juta million Mikro Plus Micro Plus RM0.7 juta million	Pengeluaran Disbursement Pembiayaan Mikro Micro Finance RM266.8 juta million Mikro Plus Micro Plus RM205.7 juta million
Mempromosi dan mendorong amalan menabung, terutamanya di kalangan penyimpan kecil Promote and mobilise savings, particularly from small savers	Tumpuan ke atas pertumbuhan deposit runcit Focus on retail deposits growth Pertumbuhan pendaftaran pelajar sekolah dalam Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan BSN Smart Junior (BSJ) Growth in student participation in <i>Skim Galakan Simpanan Pelajar</i> (SGSP) and BSN Smart Junior (BSJ)	Pertumbuhan Growth RM1,399.0 juta million Pendaftaran baharu New enrollment SGSP: 135,651 BSJ: 134,380	Pertumbuhan Growth RM(107.8) juta million Pendaftaran baharu New enrollment SGSP: 200,984 BSJ: 51,628	Pertumbuhan Growth RM3,000.0 juta million Pendaftaran baharu New enrollment SGSP: 170,000 BSJ: 127,500

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/DIMANDATKAN

DEVELOPMENT/MANDATED ACHIEVEMENTS



KEWIBAWAAN ORGANISASI

ORGANISATIONAL SOUNDNESS

Objektif Objective	Tindakan Strategik Strategic Actions	
Memastikan pertumbuhan mampan To ensure sustainable growth	Rancangan belanjawan berhemah dan pengurusan kos yang lebih efisien Prudent budget planning and more efficient cost management	
Sasaran Prestasi 2017 2017 Performance Target	Prestasi Sebenar sehingga 31 Disember 2017 Actual Performance as at 31 December 2017	Sasaran Prestasi 2018 2018 Performance Target
Pulangan atas Aset Return on Asset 0.2%	Pulangan atas Aset Return on Asset 0.7%	Pulangan atas Aset Return on Asset 0.9%
Pulangan atas Rizab Return on Reserve 3.2%	Pulangan atas Rizab Return on Reserve 9.1%	Pulangan atas Rizab Return on Reserve 11.6%
Nisbah Modal Berwajaran Risiko Risk Weighted Capital Ratio 14.4%	Nisbah Modal Berwajaran Risiko Risk Weighted Capital Ratio 14.9%	Nisbah Modal Berwajaran Risiko Risk Weighted Capital Ratio 13.9%

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK

Ekonomi global dijangka berkembang pada tahun 2018, mencerminkan pemulihan dalam sektor pelaburan, pembuatan dan perdagangan. Pemulihan ini juga disokong oleh peningkatan dalam harga komoditi, keyakinan pengguna dan dasar kewangan yang lebih mampan. Justeru itu, pertumbuhan global dijangka berkembang 3.7 peratus dipacu oleh ekonomi pasaran berkembang pesat dan ekonomi membangun (EMDE) yang dijangkakan akan mencatatkan purata pertumbuhan yang lebih tinggi pada 5 peratus.

Dalam keadaan ekonomi global yang lebih kukuh, ekonomi Malaysia diunjur berkembang di antara 5.5 peratus sehingga 6.0 peratus pada tahun 2018 (2017: 5.9 peratus). Permintaan dalam negeri akan terus kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, disokong oleh penggunaan swasta yang dijangka kekal mampan pada 7.2 peratus. Pelaburan swasta pula dijangka akan berkembang 9.1 peratus.

Inflasi keseluruhan dijangka akan menjadi sederhana pada tahun 2018, berpurata antara 2.0 hingga 3.0 peratus (2017: 3.7 peratus). Inflasi yang lebih rendah berbanding dengan tahun 2017 adalah kerana sumbangan yang lebih kecil daripada harga tenaga dan komoditi global ekoran nilai yang lebih tinggi pada tahun 2017. Namun begitu, prospek inflasi bergantung pada trajektori harga minyak global yang masih tidak menentu.

Dengan unjuran yang lebih positif dalam ekonomi tempatan, BSN menjangkakan tahap keuntungan Bank akan setaraf atau lebih tinggi pada tahun 2018 berbanding 2017, didorong oleh 6 objektif teras dalam pelan perniagaan Bank iaitu:

Recovery in the global economy is expected to continue in 2018, reflecting resurgence in the investment, manufacturing and trading sectors. The recovery is also supported by an increase in commodity prices, consumer confidence and more sustainable monetary policies. Hence, global growth is expected to increase by 3.7 percent, driven by emerging markets and developing economies (EMDE) which is expected to record a higher average growth of 5 percent.

Under stronger global economic conditions, the Malaysian economy is projected to grow between 5.5 percent and 6.0 percent in 2018 (2017: 5.9 percent). Domestic demand will continue to be a key driver of growth supported primarily by private consumption which is expected to remain sustained at 7.2 percent. Private investment is expected to grow 9.1 percent.

Headline inflation is expected to moderate in 2018, averaging between 2.0 to 3.0 percent (2017: 3.7 percent). Lower inflation compared to 2017 was mainly due to a smaller contribution from global energy and commodity prices which had a higher base in 2017. However, inflationary prospects are dependent on still uncertain global oil price trajectory.

With a more positive projection in the local economy, BSN expects the level of profitability of the Bank to be equal or higher in 2018 as compared to 2017, driven by 6 core objectives in the Bank's business plan:

Mengekalkan pertumbuhan perniagaan dan keuntungan melalui strategi yang telah dirancang:

Sustaining business growth and profitability through the following strategies:



- Memberi tumpuan kepada produk aset dengan keuntungan yang lebih tinggi iaitu pembiayaan peribadi. Ini akan diimbangi dengan pertumbuhan aset jangka panjang seperti pembiayaan perumahan;
 - Mengurangkan kos dana melalui produk perdananya, iaitu BSN SSP sebagai pemacu utama pertumbuhan deposit runcit selain mengukuhkan pertumbuhan dalam produk BSN GIRO & GIRO-i. Untuk mempromosikan BSN SSP, Bank merancang untuk menjalankan beberapa kempen taktikal pada tahun ini. Di samping itu, Bank juga berhasrat untuk meningkatkan jangkauannya kepada pelajar sekolah dalam program sekolahnya, Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan 'BSN Smart Junior'; dan
 - Memastikan perbelanjaan operasi yang terkawal dengan mengamalkan pengurusan kos yang berhemat melalui program rasionalisasi cawangan dan saluran perkhidmatan yang turut meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam menyampaikan perkhidmatan perbankan.
- Focus on high margin asset products i.e. personal financing and balancing this with long term asset growth in secured Mortgage financing;
 - Reduce its cost of fund with its flagship product, BSN SSP as the key driver for its retail deposits growth as well as strengthen growth in BSN GIRO & GIRO-i products. To promote BSN SSP the Bank anticipates to embark on several tactical campaigns this year. In addition, the Bank endeavors to increase its outreach of school children through its school programs, Skim Simpanan Pelajar and BSN Smart Junior; and
 - Keep operating expenditures low, by practising prudent cost management through rationalisation of its branches and service channels, which also aims to increase productivity and efficiency in delivering banking services.

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK

Memastikan mandat kewangan yang lebih inklusif dan produktif melalui:

Ensure a more inclusive and productive financial mandate through:



- a. Meningkatkan kecekapan dalam menjalankan program-program sekolah dengan menambahbaik skim 'BSN Smart Junior' dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP);
 - b. Menjenama semula produk pembiayaan Mikro yang sedia ada bagi meningkatkan tahap penerimaan dan memastikan jangkauan ke segmen yang disasarkan. Ini akan dilakukan melalui peningkatan akses kepada produk serta pengurusan produk yang lebih berkesan;
 - c. Meningkatkan perkhidmatan kepada usahawan mikro melalui sesi tunjuk ajar dan pembelajaran bagi menyediakan mereka ke arah pengurusan perniagaan yang lebih sempurna dan teratur; dan
 - d. Meningkatkan liputan perkhidmatan EB kepada 98% mukim di Malaysia (2017: 96.4%) bagi memastikan komuniti setempat mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas seperti pembukaan akaun sebagai salah satu cara untuk meningkatkan simpanan mereka.
- a. Revamp current deliverables to be more efficient in reaching out to schools by refreshing BSN Smart Junior and Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP);
 - b. Rebrand existing Micro financing products to increase acceptance and penetration by increasing accessibility of the product to targeted segments and to have better product management;
 - c. Enhance services to micro entrepreneurs through tutoring and learning sessions to provide them with more holistic and orderly business management; and
 - d. Increase the coverage of EB to 98% of sub-districts in Malaysia (2017: 96.4%) to ensure local communities have access to basic banking services such as account opening as a means to increase their savings.

Memberi fokus kepada teknologi dan perbankan digital bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam penyampaian produk dan perkhidmatan Bank.

Leverage on technology and digital banking to achieve greater efficiency and productivity in the Bank's products and services delivery.



Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, Bank akan melancarkan pelbagai inisiatif teknologi dalam tahun 2018 seperti aplikasi perbankan mudah alih (*mobile banking*) dan platform perbankan digital korporat. Tahun 2018 juga akan memperlihatkan penjenamaan semula '*customer touchpoint*' yang sedia ada. Di antaranya ialah penawaran perkhidmatan baru di premis EB seperti pemindahan dana tempatan, serta Mesin '*Cash Recycler*' yang berupaya untuk mempercepatkan masa perkhidmatan di kaunter.

To ensure our customers enjoy banking experience and convenience, the Bank will implement various technology initiatives in 2018 such as mobile banking applications and corporate digital banking platforms. It will also look at re-branding of existing customer touch points by offering new services at EB premises such as local funds transfer, as well as 'Cash Recycler' machine that would improve counter service times.

Mengukuhkan Pengurusan Risiko Organisasi (*Enterprise-wide risk management*), tadbir urus korporat dan Pematuhan.

Strengthen the Bank's Enterprise-wide Risk Management (EWRM) corporate governance and compliance.



BSN sedar akan kepentingan pengurusan risiko dalaman dan berhasrat untuk memperkukuhkan lagi budaya pengurusan risiko dan pematuhan Bank melalui modul pembelajaran yang berterusan untuk meningkatkan lagi kompetensi kakitangan. Ini akan diperkukuhkan lagi melalui pembelian sistem baharu yang akan meningkatkan keupayaan tadbir urus dalam pencegahan pengubahan wang haram (AML) dan pengurusan risiko kredit.

BSN realises the importance of managing its internal risk and aspires to further strengthen the organisation's and compliance culture through continuous learning modules to improve staff competence. The purchase of new systems will further enhance governance in anti-money laundering (AML) and credit risk management.

Memperkukuhkan pengurusan modal (*Capital management*)

dengan melaksanakan kerangka modal baharu Bank dalam membangunkan dasar-dasar dan perniagaan Bank.

Strengthen capital management by leveraging on the Bank's new capital framework in developing the Bank's policies and business.



Menilai semula penglibatan Bank dalam anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu bagi meningkatkan sinergi dan keberkesanan perniagaan.

Reassess the Bank's involvement in subsidiaries and associated companies to enhance synergies and business effectiveness.



LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

KEMPEN BSN SSP 2017 – "12 JUTA RINGGIT, 12 JUTAWAN, 12 BULAN!"

BSN menawarkan peluang yang lebih besar kepada orang ramai untuk menjadi jutawan dengan kempen "12 Juta Ringgit, 12 Jutawan, 12 Bulan!" untuk menyimpan BSN SSP bagi menggalakkan tabiat menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia. Buat pertama kalinya, Kategori Cabutan Istimewa menawarkan ganjaran bernilai RM1 juta ringgit secara berterusan setiap bulan, dari bulan Januari hingga Disember 2017. Selain itu, BSN juga telah memperkenalkan Cabutan Remaja, untuk remaja berumur 12 hingga 17 tahun untuk menyimpan bagi tujuan pembelajaran mereka.

BSN SSP CAMPAIGN 2017 – "12 MILLION RINGGIT, 12 MILLIONAIRES, 12 MONTHS!"

BSN offered greater opportunities for the public to become millionaires through the "12 Million Ringgit, 12 Millionaires, 12 Months!" campaign for its Premium Savings Certificates (BSN SSP) to encourage a saving culture among Malaysians. For the first time ever, the Special Draw Category offered rewards worth RM1 million ringgit monthly from January to December 2017. In addition, BSN also introduced the Junior Draw, for teenagers aged 12 to 17 years old to attract more teenagers to save for their future education.



10 Fakta BSN SSP 2017

- ✓ Konsep 2017 – "12 Juta Ringgit, 12 Jutawan, 12 Bulan!"
- ✓ Merupakan produk simpanan BSN yang unik sejak tahun 1978.
- ✓ Merupakan produk simpanan Patuh Syariah (berdasarkan kontrak Mudharabah Syariah – perkongsian keuntungan).
- ✓ Simpanan BSN SSP dijamin oleh Kerajaan.
- ✓ Semua hadiah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- ✓ Simpanan minimum RM10 dan layak untuk mengambil bahagian setiap kali cabutan diadakan (selagi tidak membuat penebusan).
- ✓ Semua warganegara Malaysia berumur 12 tahun dan ke atas layak menyertai Cabutan BSN SSP, kecuali kakitangan BSN.
- ✓ Majlis Cabutan BSN SSP diadakan setiap SABTU terakhir pada setiap bulan.
- ✓ Pertama kali BSN menawarkan hadiah RM1 juta setiap bulan bagi tempoh 1 tahun.
- ✓ Penyimpan berumur 12-17 tahun layak menyertai kesemua kategori cabutan BSN SSP iaitu Cabutan Remaja, Cabutan Bulanan dan Cabutan Istimewa.

10 Facts about BSN SSP 2017

- ✓ 2017 Concept – "12 Million Ringgit, 12 Millionaires, 12 Months!"
- ✓ BSN unique savings product since 1978.
- ✓ A Shariah Compliant savings product (based on Shariah Mudharabah contract – profit sharing).
- ✓ BSN SSP deposits are guaranteed by the Government.
- ✓ All prizes are exempted from income tax.
- ✓ Minimum deposit of RM10 and are eligible to take part whenever a draw is held (as long as no redemptions are made).
- ✓ Malaysian citizens aged 12 years and above are eligible to participate in the BSN SSP Draw except BSN staff.
- ✓ BSN SSP Draw is held every last SATURDAY of every month.
- ✓ BSN start offered a RM1 million prize every month for a period of 1 year.
- ✓ Savers aged between 12-17 year old are eligible to participate in all categories of BSN SSP draws namely Junior Draw, Monthly Draw and Special Draw.

KARNIVAL KEWANGAN 2017

Dewan Tun Razak, PWTC

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menganjurkan beberapa siri Karnival Kewangan yang bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai hal-hal kewangan termasuk perkhidmatan sedia ada bagi membantu individu dan perniagaan untuk menguruskan kewangan mereka dengan lebih efektif.

Karnival yang julung kali diadakan di Kuala Lumpur pada 13 hingga 15 Januari 2017, memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat berhubung dengan produk dan perkhidmatan kewangan, membuat pertanyaan atau mendapatkan nasihat – semuanya berada di satu tempat bersama lebih 100 institusi kewangan, persatuan dan agensi yang menawarkan pelbagai perkhidmatan dan produk kewangan untuk keperluan yang berbeza.

Turut diadakan semasa karnival tersebut adalah Majlis Anugerah Karnival Kewangan di mana BSN telah memenangi Anugerah Rangkuman Kewangan Terbaik. Sementara itu, sekolah angkat BSN iaitu Sekolah Menengah Vokasional Gombak turut menerima Anugerah Sekolah Terbaik dalam Pendidikan Kewangan bagi kategori Sekolah Menengah.

KARNIVAL KEWANGAN 2017

Dewan Tun Razak, PWTC

Bank Negara Malaysia (BNM) organised a series of Karnival Kewangan aimed at educating the public on financial matters including existing services to help individuals and businesses manage their finances more effectively.

The first ever was carnival held in Kuala Lumpur on 13 to 15 January 2017, provided the public with the opportunity to get information on financial products and services, inquiries or advice – all in one place from more than 100 financial services providers, associations and agencies offering diverse services and financial products for different needs.

Also held during the carnival was the Financial Awards Ceremony where BSN was crowned winner of the Best Financial Inclusion Award. In addition, BSN's adopted school, Sekolah Menengah Vokasional Gombak, received the Best School Award in Financial Education for the Secondary School category.



PERASMIAN AUTO FINANCE BSN YANG KETIGA

Hotel Ixora, Pulau Pinang

Pembukaan Pusat Pembiayaan Automobil - 'Auto Finance Centre' (AFC) BSN yang ketiga bertempat di Bandar Perda, Pulau Pinang pada 17 Januari 2017 merupakan satu langkah strategik dalam memenuhi permintaan pasaran pelanggan dengan menawarkan perkhidmatan setanding peneraju pasaran yang lain.

AFC BSN Pulau Pinang ini merupakan pusat ketiga dibuka selepas AFC BSN Kuala Lumpur yang bertempat di Wisma RKT, Jalan Raja Abdullah dan AFC BSN Selangor di Kompleks PKNS, Shah Alam.

AFC BSN merupakan pusat sehenti bagi semua kemudahan berkaitan sewa beli. Ianya bertujuan bagi memastikan semua urusan niaga pelanggan dan pendergi kereta dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan.

LAUNCH OF THE THIRD BSN AUTO FINANCE CENTRE

Hotel Ixora, Penang

The opening of the third BSN Auto Finance Centre (AFC) at Bandar Perda, Penang, on 17 January 2017 was a strategic move to meet consumer demands by offering services comparable to other market leaders.

BSN's Penang AFC is the third centre opened after AFC BSN Kuala Lumpur which is located at Wisma RKT, Jalan Raja Abdullah and AFC BSN Selangor at Kompleks PKNS, Shah Alam.

The BSN AFC serves as a one-stop center for all hire purchase facility. This ensures all customer and car dealer transactions are implemented more efficiently and effectively.



LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN DAN CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BHD (CGC)

Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

BSN dan CGC telah memeterai perjanjian Jaminan Portfolio (PG) pada 27 Januari 2017 dengan objektif untuk menyediakan pembiayaan bernilai RM50 juta khusus untuk perusahaan mikro. Ini adalah Jaminan Portfolio pertama di Malaysia yang menyokong segmen perniagaan mikro. CGC telah menyediakan jaminan sehingga 70 peratus daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Bank melalui Skim Jaminan Portfolio CGC. Menerusi usahasama itu, sasaran utamanya adalah untuk membiayai kira-kira 2,500 perniagaan mikro Bumiputera dan bukan Bumiputera di seluruh negara. Usaha ini diharap dapat membuka lebih banyak peluang bagi kedua-dua pihak bekerjasama dalam meningkatkan perusahaan mikro ke tahap yang lebih tinggi.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN BSN AND CREDIT GUARANTEE CORPORATION BHD (CGC)

Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia

BSN and CGC sealed a Portfolio Guarantee (PG) agreement on 27 January 2017 with the objective of providing RM50 million financing for micro enterprises. This is the first PG in Malaysia that support the micro business segment. CGC provides a guarantee up to 70 percent of the total financing approved by the Bank through the CGC Portfolio Guarantee Scheme. Through the joint venture, the target is to finance about 2,500 Bumiputera and non-Bumiputera micro businesses nationwide. This initiative identified as an effort to open more opportunities for both parties to work together to elevate the potential of micro enterprises to a higher level.



MISI BANTUAN BANJIR

Negeri Kelantan, Johor dan Perak

Ekoran musibah banjir yang melanda kawasan pantai timur serta beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, BSN mengambil inisiatif memulakan siri jelajah untuk membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang terlibat iaitu di Kelantan, Johor dan Perak.

Pihak Bank sentiasa komited dalam memperkasa inisiatif tanggungjawab sosial kepada masyarakat dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Pada bulan Februari 2017, sebanyak 1,000 pek berisi keperluan harian berjumlah RM200,000 diserahkan kepada 1,000 keluarga mangsa di negeri terjejas.

Di Kelantan, sejumlah 400 pek bantuan telah diagihkan kepada 400 penduduk di jajahan Pasir Mas, Pasir Putih dan Rantau Panjang. Manakala di Johor, melibatkan daerah Segamat antaranya Kampung Paya Pulau, Kampung Pogoh Tengah dan Kampung Chodan di mana sebanyak 380 pek bantuan diserahkan kepada 380 buah keluarga.

Baki 220 pek bantuan selebihnya turut diagihkan kepada penerima di negeri-negeri banjir lain. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial BSN kepada masyarakat bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir supaya mereka dapat memulakan kembali kehidupan selepas ditimpa musibah.

FLOOD RELIEF MISSIONS


States of Kelantan, Johor and Perak

Following the floods that hit the east coast and several states in Peninsular Malaysia, BSN took the initiative to launch a series of flood reliefs to help flood victims in Kelantan, Johor and Perak.

The Bank has always been committed to empower social responsibility initiatives to the community in channeling aid to flood victims. In February 2017, 1,000 packs of daily necessities amounting to RM200,000 were handed over to 1,000 families in the affected states.

In Kelantan, a total of 400 aid packs were distributed to 400 residents in Pasir Mas, Pasir Putih and Rantau Panjang districts. While in Johor, the Segamat district comprising Kampung Paya Pulau, Kampung Pogoh Tengah and Kampung Chodan, a total of 380 relief packages were handed over to 380 families.

The remaining 220 packs were distributed to recipients in other flood stricken states. This initiative is part of BSN's social responsibility to the community to ease the burden of flood victims so they can resume their lives after the disaster.



LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT



LE TOUR DE' LANGKAWI (LTdL) 2017

Lapan Peringkat di Semenanjung Malaysia

BSN sekali lagi menjadi salah satu Penaja Utama Program Le Tour de' Langkawi (LTdL) 2017 bagi kategori jersi pecut (Sprint Jersey) dan penyampai replika cek (Mock Cheque Presenter) bagi tahun kedua berturut-turut. Penjelajahan ini telah berlangsung dari 21 Februari hingga 1 Mac 2017.

Di sepanjang penjelajahan, BSN berpeluang mengedar risalah produk di samping mengambil pendekatan untuk mendekati masyarakat tempatan. Kaunter Promosi BSN turut dibuka di lapan peringkat perlumbaan di lapan negeri dan dua Wilayah Persekutuan, dengan menawarkan promosi menarik untuk produk BSN antaranya BSN SSP, Kad Kredit dan Pembiayaan Peribadi.

Tarikan utama kepada para pelanggan BSN pada setiap tahun adalah untuk memiliki Jersi Eksklusif edisi terhad LTdL 2017 - "Teal Sprint Jersey" yang ditandatangani oleh pemenang kategori pecut bagi setiap peringkat tersebut.

LE TOUR DE' LANGKAWI (LTdL) 2017

Eight stages in Peninsular Malaysia

BSN was once again became the Main Sponsor of Le Tour de' Langkawi (LTdL), sponsoring the Sprint Jersey and Mock Cheque Presenter, for the second consecutive year. The race was held from 21 February to 1 March 2017.

Throughout the race, BSN has distributed product brochures towards the local communities. Promotional counters were set up at each of the eight racing stages, which included eight states and two Federal Territories. The booth offered limited edition promotional offers for BSN products including BSN SSP, Credit Cards and Personal Financing.

The main attraction for BSN customers every year is to own the Exclusive special edition of LTdL 2017 Jerseys - the "Teal Sprint Jersey" signed by the sprint category winners for every stages.



MAJLIS PERASMIAN WISMA MUFAKAT, BSN NEGERI JOHOR

Johor Bahru

BSN melakarkan sejarah yang tersendiri apabila bangunan Wisma Muafakat yang beralamat di Jalan Abdullah Ibrahim, Johor Bahru, dirasmikan pada 12 Mac 2017 untuk menempatkan cawangan utamanya. Sebelum ini cawangan utama Johor telah beroperasi di bangunan Wisma Maria di Jalan Ngee Heng selama lebih 29 tahun. Bermula Januari 2017, kesemua urusan pentadbiran dan operasi BSN negeri Johor ditempatkan di bangunan baharu ini bagi memastikan keselesaan pelanggan ketika berurusan dan penyediaan ruang pekerjaan yang lebih kondusif bagi para kakitangan.

Bangunan Wisma Muafakat ini mempunyai 10 tingkat ruang pejabat dan 3 tingkat ruang bawah tanah. Antara kemudahan yang disediakan termasuk ruangan Pusat Latihan, Surau, Nursery & 'Open Terrace', Gimnasium, Kafeteria dan ruang bagi aktiviti riadah dan sukan.

THE OFFICIAL LAUNCH OF WISMA MUFAKAT, BSN JOHOR

Johor Bahru

BSN marked a new milestone in its history when Wisma Muafakat located at Jalan Abdullah Ibrahim, Johor Bahru, was officially launched on 12 March 2017 as BSN's Johor main branch. Previously, the main branch had been operating at Wisma Maria on Jalan Ngee Heng for over 29 years. Beginning January 2017, all BSN's administration and operations for the state of Johor are carried out from this new venue to ensure customers' comfort while performing transactions and offer a more conducive workspace for the staff.

The Wisma Muafakat has 10 storeys of office space and 3 storeys of basement. Facilities provided include a Training Center, Surau, Nursery, Open Terrace, Gymnasium, Cafeteria and an indoor recreational and games area.

ANUGERAH SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) 2017

Sunway Resort Hotel & Spa

Pada 21 Mac 2017, melalui penyampaian Anugerah SGSP 2017, seramai 118 pemenang individu dan sekolah telah menerima hadiah dengan jumlah keseluruhan bernilai RM200,000 melalui tiga Kategori Utama iaitu Individu, Sekolah dan Tabungan Berhemah.

BSN mensasarkan lebih banyak penyertaan para pelajar seluruh Malaysia melalui SGSP bagi menggalakkan dan memperkasakan sikap menabung dalam kalangan pelajar dan pihak sekolah. BSN secara berterusan giat mempromosi tabiat menyimpan melalui inisiatif SGSP dan BSJ melalui program 'BSN School Carnival' dan program-program menarik di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia.

Sehingga Disember 2017, 1.1 juta pelajar dan lebih 7,800 buah sekolah telah menyertai SGSP. Malah, jumlah simpanan para pelajar dan sekolah juga telah mencapai sehingga lebih RM566.4 juta.

SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) AWARD PRESENTATION 2017

Sunway Resort Hotel & Spa

On 21 March 2017, during SGSP Award Presentation 2017, a total of 118 individual and school winners received prizes totaling RM200,000 for three Main Categories, namely Individual, School and Prudent Savings.

BSN targetted more student participation throughout Malaysia through SGSP to encourage and empower students and schools. BSN continuously inculcate the saving habit through the SGSP and BSN Smart Junior (BSJ) initiatives via the 'BSN School Carnival' programme and other exciting programmes in selected schools across Malaysia.

As of December 2017, 1.1 million students and more than 7,800 schools have joined the SGSP. In fact, the savings of these students and schools have also reached over RM566.4 million.



MAJLIS PENYERAHAN VAN JENAZAH

Auditorium, Wisma BSN

BSN telah menyumbangkan 13 buah van jenazah kepada masjid dan institusi terpilih di seluruh Malaysia pada 4 Mei 2017. Ini merupakan tahun ketujuh berturut-turut BSN memberi sumbangan van jenazah kepada komuniti yang memerlukan.

Sejak tahun 2010, sebanyak 108 buah van jenazah telah disumbangkan melalui peruntukan zakat perniagaan Skim Perbankan Islam BSN. Pihak Bank komited untuk terus memberi perkhidmatan cemerlang kepada segenap lapisan masyarakat melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya.

DONATION OF HEARSES

Auditorium, Wisma BSN

On 4 May 2017, BSN donated 13 hearses to mosques and selected institutions throughout Malaysia. This is the seventh consecutive year that BSN has donated hearses for communities in need.

Since 2010, 108 hearses have been donated through the provision of BSN Islamic Banking Scheme's business zakat. The Bank is committed to continuously deliver excellent services to all segments of society through its corporate social responsibility initiative.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT



MALAM ANUGERAH EJEN BANK BERDAFTAR BSN (EB BSN) 2017

Sunway Resort Hotel & Spa

Seramai lebih 100 ejen EB BSN yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam perkhidmatan sepanjang tahun 2016 telah diraikan dan diiktiraf di Malam Anugerah EB BSN 2017 pada 20 Mei 2017. Di majlis tersebut, BSN telah menyampaikan anugerah bagi empat kategori iaitu 13 pemenang bagi Anugerah Kecemerlangan EB BSN Peringkat Negeri, tiga pemenang bagi Anugerah Kecemerlangan Peringkat Kebangsaan dan dua pemenang bagi Anugerah Penghargaan Khas dan satu pemenang bagi kategori terbaharu iaitu Anugerah Pengurusan EB BSN Terbaik. Anugerah ini menawarkan Piala Pusingan Ketua Eksekutif dan ganjaran RM5,000 kepada Cawangan Negeri BSN yang menunjukkan prestasi yang paling cemerlang.

Sebagai salah satu inisiatif dalam memperkembangkan rangkaian kewangan, EB BSN merupakan satu saluran perbankan yang ditawarkan melalui ejen-ejen yang berdaftar dengan Bank, dan menawarkan perkhidmatan asas perbankan seperti perkhidmatan Deposit Tunai, Pengeluaran Wang Tunai, Pembayaran Bil, Simpanan BSN SSP, Pembayaran Tanpa Tunai, Pembelian Tambah Nilai Pra-Bayar Telefon Bimbit dan Pembukaan Akaun BSN Giro/Giro-i.

BSN terus kekal relevan sebagai satu-satunya Bank yang memberi akses perbankan secara menyeluruh kepada masyarakat terutama di kawasan luar bandar menerusi rangkaian EB BSN sejak pengenalannya pada tahun 2012 dalam usaha membantu Kerajaan mencapai status negara maju.




BSN'S BANKING AGENTS (EB BSN) 2017 AWARDS NIGHT

Sunway Resort Hotel & Spa

A total of over 100 EB BSN agents who demonstrated excellence in service throughout the year were recognised at EB BSN 2017 Awards Night on 20 May 2017. At the event, BSN presented the awards in four categories with thirteen winners for the Excellence Award at State Level Category, three winners for the Excellence Award at National Level Category, two winners for the Special Appreciation Award and one winner for the new introduced category of Best EB BSN Management Award. This award offered the "Piala Pusingan Ketua Eksekutif" and a reward of RM5,000 to the BSN State Branch that displayed the most outstanding performance.

As part of the financial inclusion initiatives, EB BSN is a banking channel offered through agents registered with the Bank, which offers basic banking services such as Cash Deposit and Withdrawal, Bill Payment, Deposit BSN SSP, Cashless Payment, Purchase of Mobile Prepaid and Opening of BSN Giro/Giro-i Accounts.

BSN continues to stay relevant as the only Bank that provides overall banking access to the community especially in rural areas through its EB BSN network since its introduction in 2012 as an effort to help the Government achieve developed nation status.



KEMPEN RIUHKAN RAYA BSN

Kota Bharu, Pulau Langkawi & Kuala Krai

Kempen Riuhan Raya BSN merupakan kesinambungan kempen Ramadan dan Raya BSN iaitu Kempen #BSNKataYangPentingIkhlas dan #BSN40Kebaikan pada sebelum ini. Pada kali ini, kempen dijalankan menerusi tiga segmen yang berbeza. Segmen pertama ialah Peraduan Produk Pembiayaan Kewangan yang menawarkan hadiah bagi pelanggan bertuah yang melanggan kemudahan Pembiayaan Kewangan BSN sepanjang tempoh kempen berlangsung. Segmen kedua, peraduan di Facebook BSN Malaysia iaitu Peraduan Seloka Raya dan yang terakhir aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang menaja kepulungan penuntut luar negara untuk pulang beraya bersama keluarga.

Segmen tanggungjawab sosial korporat ini membawa pulang tiga orang pelajar terpilih dari luar negara untuk pulang ke tanah air menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga. BSN telah memilih tiga orang pelajar iaitu dua orang daripada negeri Kelantan manakala seorang lagi dari negeri Kedah. Pertemuan yang diatur oleh BSN ini berlangsung dengan penuh emosi terutama ahli keluarga pelajar kerana tidak menjangka kepulungan insan yang tersayang. Video kepulungan para penuntut tersebut turut dikongsikan di media sosial Facebook dan Instagram BSN Malaysia. Dengan mengadakan kempen seperti ini, BSN berhasrat ianya dapat memberikan kebahagiaan dan keceriaan kepada para pelanggan sempena musim perayaan.

BSN RIUHKAN RAYA CAMPAIGN

Kota Bharu, Pulau Langkawi & Kuala Krai

BSN's "Riuhan Raya" Campaign was a continuation of its Ramadan and Raya campaigns such as the #BSNKataYangPentingIkhlas and #BSN40Kebaikan of recent years. The campaign ran through three different segments, whereby the first segment was the Financing Product Contest that offered prizes for lucky customers of BSN's financing facility throughout the campaign period. The second segment was a contest on BSN Malaysia's Facebook, on "Seloka Raya" Contest and the last was the corporate social responsibility activity that sponsored the return of overseas' students to celebrate raya with their families.

The corporate social responsibility segment brought three selected students from overseas to come back home to celebrate Hari Raya Aidilfitri with their families. BSN selected two students from Kelantan and one from Kedah. The meeting, organised by BSN, was full of emotions, especially for the family members as they did not expect the return of their loved ones. The videos of the students were also shared on BSN's Facebook and Instagram social media platform. By conducting such campaigns, BSN hopes to bring happiness and cheer to the customers in conjunction with the festive season.



PROGRAM RAUDAH RAMADAN BSN BSN RAUDAH RAMADAN PROGRAMME

Jerlun, Kedah

Program Raudah Ramadan BSN merupakan program tanggungjawab sosial korporat BSN dalam merayakan 100 asnaf yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 6, Sekolah Agama Nahdzatul dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam. Program ini, diadakan pada 17 Jun 2017, dengan penyampaian sumbangan sebanyak RM200 duit raya bagi setiap orang pelajar di samping bermesra menikmati juadah iftar bersama para pelajar daripada golongan asnaf di sekitar Jerlun, Kedah. Program ini adalah satu medium bagi BSN menyumbang sesuatu yang baik kepada golongan yang memerlukan terutamanya di bulan Ramadan serta persediaan bagi menjelang sambutan hari perayaan.



The BSN "Raudah Ramadan" Programme was a corporate social responsibility programme with 100 asnaf comprising of Form 6 students of Sekolah Agama Nahdzatul and Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam. The programme, held on 17 June 2017, delivered contributions of RM200 of duit raya to each student and iftar with asnaf students around Jerlun, Kedah. This programme was another medium for BSN to contribute something good to those in need, especially in the month of Ramadan, in preparation for the festive celebration.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

KARNIVAL KEWANGAN SABAH

Suria Mall, Kota Kinabalu Sabah

Karnival Kewangan Sabah yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 4 hingga 6 Ogos 2017, melibatkan penyertaan daripada semua institusi kewangan di Malaysia. Di karnival itu, BSN telah membuka kaunter promosi bagi tujuan mempromosikan produk BSN seperti BSN SSP, Pinjaman Peribadi dan lain-lain produk. Di karnival ini, BSN turut diumumkan sebagai pemenang Anugerah Rangkuman Kewangan Terbaik.

KARNIVAL KEWANGAN SABAH

Suria Mall, Kota Kinabalu Sabah

The Sabah 'Karnival Kewangan' organised by Bank Negara Malaysia (BNM) was held on 4 to 6 August 2017 and involved participation from all financial institutions in Malaysia. At the carnival, BSN set up a promotional counter to promote BSN's financial products such as BSN SSP, Personal Loans and other products. During the carnival, BSN was also announced as the Best Financial Inclusion Award winner.



KARNIVAL PERUMAHAN BUMIPUTERA BSN & SIN HEE YANG PROPERTY GROUP (SHY)

Dorsett Grand Hotel Subang, Selangor

BSN telah mengadakan sidang media bersama SHY Property Group bagi program Karnival Perumahan Bumiputera pada 15 Ogos 2017. Karnival Perumahan Bumiputera ini dianjurkan untuk mengumumkan kolaborasi antara kemudahan Skim Perumahan Belia (SPB) dan rangkaian hartanah mampu milik di bawah SHY. Kerjasama seumpama ini dilihat sebagai salah satu kaedah dalam mengembangkan kemudahan SPB yang ditawarkan oleh BSN kepada warganegara Malaysia yang layak.

BSN AND SIN HEE YANG PROPERTY GROUP (SHY) BUMIPUTERA HOUSING CARNIVAL

Dorsett Grand Hotel Subang, Selangor

BSN held a joint press conference with SHY for the Bumiputera Housing Carnival on 15 August 2017. The Bumiputera Housing Carnival was organised to announce the collaboration between BSN Youth Housing Scheme (YHS) facilities and affordable property projects under SHY. This collaboration was seen as one of the avenues in expanding the YHS facility offered by BSN to eligible Malaysian citizens.

KARNIVAL HARI BERSAMA BSN DI RESIDENSI SUASANA@DAMAI

Damansara Damai, Selangor

BSN dan MK Land telah bekerjasama bagi menjayakan Karnival "Hari Bersama BSN" pada 14 Oktober 2017. Karnival tersebut telah diadakan di tapak projek, Residensi Suasana@Damai.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang karnival tersebut seperti pembukaan kaunter promosi produk-produk perbankan BSN seperti Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit, Pengurusan Harta dan BSN SSP.

'HARI BERSAMA BSN' CARNIVAL AT RESIDENSI SUASANA@DAMAI

Damansara Damai, Selangor

BSN and MK Land collaborated to organise "Hari Bersama BSN" Carnival on 14 October 2017. The carnival was held at the Residensi Suasana@Damai project site.

Various activities were held throughout the carnival including the opening of a BSN promotional counter to promote BSN banking products such as Housing Loans, Personal Financing, Credit Card, Wealth Management and BSN SSP.



FORUM ANTARABANGSA CEO

Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur

BSN sebagai ahli 'Association of Development Financial Institution of Malaysia' (ADFIM) bersama-sama dengan Johor Corporation telah diamanahkan oleh ADFIM sebagai ahli jawatankuasa bagi menganjurkan Forum Antarabangsa CEO yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 24 hingga 26 Oktober 2017. Forum itu telah disertai oleh wakil-wakil dari pelbagai institusi di Asia dengan dihadiri oleh 13 orang penceramah semasa forum berlangsung.

BSN telah membuka kaunter untuk mempamerkan produk kewangan BSN seperti BSN SSP, Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi dan produk-produk lain. BSN turut mempamerkan senarai pencapaiannya dari awal penubuhan pada tahun 1974 sehingga kini.

INTERNATIONAL CEO FORUM

Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur

As a member of the Association of Development Financial Institution of Malaysia (ADFIM), BSN together with Johor Corporation was entrusted by ADFIM as a committee to organise the three-day International CEO Forum from 24 to 26 October 2017. The forum saw participation from representatives from various institutions in Asia and the involvement of 13 speakers.

BSN set up an information counter during the three day forum to showcase BSN's financial products such as BSN SSP, Mortgage, Personal Financing and others. BSN also showcased its list of achievements from its inception in 1974 to date.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN

d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan

BSN telah menyertai Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan pada 21 Oktober 2017 yang telah diadakan di Negeri Sembilan. Program ini bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang penjagaan alam sekitar. Pihak Bank telah mengambil bahagian dalam majlis hari terbuka bagi mempamerkan produk-produk kewangan seperti BSN SSP, Pembiayaan Perumahan, Pembiayaan Peribadi dan lain-lain. BSN turut mengadakan Cabutan BSN SSP Khas iaitu 'Enviro BSN SSP Bonanza Draw' sempena program tersebut.

NATIONAL ENVIRONMENT DAY

d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan

BSN participated in the National Environment Day on 21 October 2017 at Negeri Sembilan. The programme aimed to nurture and enhance awareness and understanding to care for the environmental. The Bank participated in this open day event to showcase its products such as BSN SSP, Mortgage, Personal Financing and others. BSN also held a Special BSN SSP Draw called 'Enviro BSN SSP Bonanza Draw' in conjunction with the programme.



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) KE-43

Acara PSKK ke-43 telah menyaksikan BSN sebagai tuan rumah bagi acara tahunan yang berlangsung dari 10 hingga 19 November 2017. Sebanyak 13 agensi di bawah Kementerian Kewangan (MOF) telah terlibat antaranya, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan, Bursa Malaysia Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Kumpulan Wang Persaraan (KWP), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Dengan bertemakan 'Satu Semangat, Satu Matlamat', Pesta sukan ini telah berlangsung dengan jayanya selama sembilan hari dengan menyaksikan atlet daripada setiap agensi bersaing dalam pelbagai acara termasuk golf, futsal, catur, ping pong, bola tampar, bola sepak, badminton, tenpin bowling, sepak takraw, tenis, bola jaring dan olahraga.

BSN telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan dengan menjuarai sembilan daripada 13 acara yang dipertandingkan menewaskan 12 agensi lain. Pelancaran logo baharu Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAAK) turut dipamerkan pada hari penutup PSKK ke-43 ini.



THE 43RD 'PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN' (PSKK)

The 43rd PSKK witnessed BSN hosting the annual event from 10 to 19 November 2017. A total of 13 agencies under Ministry of Finance (MOF) were involved, the Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), the Employees Provident Fund (EPF), the Ministry of Finance and Treasury, Bursa Malaysia Berhad, Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Retirement Fund Incorporated (KWAP), Securities Commission (SC) and Langkawi Development Authority (LADA).

With a theme of "Satu Semangat, Satu Matlamat", this sports carnival lasted for nine days, with athletes from each agency competing in various events including golf, futsal, chess, table tennis, volleyball, football, badminton, tenpin bowling, sepak takraw, tennis, netball and athletics.

BSN was crowned overall champion by winning nine out of 13 sports categories and defeating 12 other agencies. The launch of the new logo of Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kementerian Kewangan (MKSAAK) was also held on the closing day of the 43rd PSKK.

KARNIVAL KEWANGAN SARAWAK

CityOne Exhibition Centre, Kuching, Sarawak

BSN telah dijemput sekali lagi untuk menyertai Karnival Kewangan 2017 di bawah anjuran BNM yang berlangsung selama tiga hari bermula dari 24 hingga 26 November 2017 di Sarawak. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan bagi menambahkan pengetahuan terhadap perihal kewangan dan membantu individu dan peniaga menguruskan kewangan mereka dengan baik.

BSN telah membuka dua kaunter promosi untuk mempromosikan produk-produk yang ditawarkan seperti Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Perumahan, Kad Kredit, BSN SSP, BSJ dan SGSP. Selain itu, BSN juga telah menyertai aktiviti Pocket Talk bagi membincangkan topik "Perbankan Ejen, Menambah Baik Kehidupan Masyarakat Luar Bandar".

'KARNIVAL KEWANGAN' SARAWAK

CityOne Exhibition Centre, Kuching, Sarawak

BSN was again invited to participate in the Karnival Kewangan 2017, which was organised by BNM for three days from 24 to 26 November 2017 in Sarawak. Various activities were organised to increase financial knowledge and to help individuals and traders manage their finances well.

BSN set up two booths to promote its products such as Personal Loans, Mortgage, Credit Cards, BSN SSP, BSJ and SGSP. In addition, BSN also participated in the Pocket Talk activity discussing the topic "Agent Banking, Improving the Lives of Rural Communities".



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN 'HAPPY STARTS HERE'

Cycle & Carriage Bintang TREC, Kuala Lumpur

BSN telah menganjurkan kempen kad kredit 'HAPPY STARTS HERE' selama enam bulan bermula dari 1 April 2017 sehingga 30 September 2017. Kempen ini adalah salah satu daripada inisiatif yang telah dianjurkan oleh BSN sepanjang tahun untuk memberi ganjaran kepada pemegang Kad Kredit BSN di atas kesetiaan mereka dengan menawarkan peluang untuk memenangi kereta mewah Mercedes-Benz GLA 200 serta gajet dan peralatan elektronik yang canggih.

Di majlis tersebut, pihak BSN telah menyerahkan Hadiah Utama berupa Mercedes-Benz GLA 200 kepada dua pemenang bertuah. BSN turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang bulanan lain iaitu Apple MacBook Air dan pemenang mingguan dengan hadiah berupa Apple iPad mini 4.

"HAPPY STARTS HERE" CAMPAIGN PRIZE GIVING CEREMONY

Cycle & Carriage Bintang TREC, Kuala Lumpur

BSN organised a "HAPPY STARTS HERE" Credit Card Campaign for six months from 1 April to 30 September 2017. This campaign was one of the initiatives organised by BSN throughout the year to reward BSN Cardholders for their loyalty by offering them the opportunity to win a Mercedes-Benz GLA 200 luxury car as well as latest electronics and gadgets.

At the event, BSN handed over the Grand Prize of Mercedes-Benz GLA 200 each to two lucky winners. In addition, BSN also presented other monthly winners with an Apple MacBook Air each and weekly winners with an Apple iPad mini 4 each.



SOROTAN MEDIA

MEDIA HIGHLIGHTS



BSN sedia pakej pembiayaan menarik



Bank Simpanan Nasional (BSN) sedia menawarkan pelbagai pakej pembiayaan menarik kepada rakyat Malaysia. Pakej-pakej ini termasuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, dan pinjaman untuk tujuan perniagaan. BSN juga menawarkan skim insurans dan skim simpanan untuk membantu rakyat Malaysia menguruskan kewangan mereka.

Merealisasikan Pemilikan Rumah Pertama Anda



Bank Simpanan Nasional (BSN) menawarkan pelbagai pakej pembiayaan menarik kepada rakyat Malaysia. Pakej-pakej ini termasuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, dan pinjaman untuk tujuan perniagaan. BSN juga menawarkan skim insurans dan skim simpanan untuk membantu rakyat Malaysia menguruskan kewangan mereka.

BSN

Nak menang baucar?

Bank Simpanan Nasional (BSN) menawarkan pelbagai pakej pembiayaan menarik kepada rakyat Malaysia. Pakej-pakej ini termasuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, dan pinjaman untuk tujuan perniagaan. BSN juga menawarkan skim insurans dan skim simpanan untuk membantu rakyat Malaysia menguruskan kewangan mereka.

BSN eyes RM70m net growth in micro finance

Responsible lending the top priority for Bank Simpanan Nasional

BY RITA WONG

Bank Simpanan Nasional (BSN) is targeting a net growth of RM70 million in micro finance in 2017. The bank's micro finance division is focused on responsible lending and providing financial support to small businesses and individuals. BSN's micro finance division is committed to providing financial support to small businesses and individuals.



Bank Simpanan Nasional (BSN) is targeting a net growth of RM70 million in micro finance in 2017. The bank's micro finance division is focused on responsible lending and providing financial support to small businesses and individuals. BSN's micro finance division is committed to providing financial support to small businesses and individuals.

BSN Introduces Microplus Financing Scheme

Bank Simpanan Nasional (BSN) is introducing a new financing scheme called Microplus. This scheme is designed to provide financial support to small businesses and individuals. BSN's Microplus scheme is committed to providing financial support to small businesses and individuals.

Luxury ride home for two grand-prize winners

Bank Simpanan Nasional (BSN) is holding a prize-giving ceremony for its grand-prize winners. The winners will receive a luxury ride home. BSN's prize-giving ceremony is committed to providing financial support to small businesses and individuals.



Youth Housing Scheme eligibility criteria relaxed

Bank Simpanan Nasional (BSN) has relaxed the eligibility criteria for its Youth Housing Scheme. This scheme is designed to provide financial support to young people. BSN's Youth Housing Scheme is committed to providing financial support to young people.

Bank Simpanan Nasional (BSN) has relaxed the eligibility criteria for its Youth Housing Scheme. This scheme is designed to provide financial support to young people. BSN's Youth Housing Scheme is committed to providing financial support to young people.

BSN launches new Johor branch HQ to strengthen southern operations

Bank Simpanan Nasional (BSN) has launched a new branch in Johor. This branch is designed to strengthen BSN's operations in the southern region. BSN's new Johor branch is committed to providing financial support to small businesses and individuals.



BSN, eBario terima anugerah kepimpinan

Bank Simpanan Nasional (BSN) and eBario have received leadership awards. These awards recognize their commitment to providing financial support to small businesses and individuals. BSN and eBario are committed to providing financial support to small businesses and individuals.



Cards and Payments in Malaysia 2017 Key Players – Maybank, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Public Bank Market Analysis and Forecast to 2020

Summary

The Cards and Payments Industry in Malaysia: Emerging trends and opportunities to 2020*, report provides detailed analysis of market trends

RM1j SSP milik wanita dari Pahang

A woman from Pahang has won RM1 million in a lottery. This is a significant win for her. BSN is committed to providing financial support to small businesses and individuals.



Komuniti luar bandar tetap nikmati pembangunan

Bank Simpanan Nasional (BSN) is committed to providing financial support to rural communities. BSN's commitment to providing financial support to rural communities is a key part of its mission. BSN is committed to providing financial support to rural communities.



BSN cari jutawan ke-10

Bank Simpanan Nasional (BSN) is looking for its 10th millionaire. BSN is committed to providing financial support to small businesses and individuals.





Mendukung Aspirasi Warga Malaysia

Supporting the Aspirations of Malaysians



Pusat Hubungan Pelanggan BSN telah ditubuhkan untuk menyampaikan perkhidmatan mesra kepada semua pelanggan kami di seluruh Malaysia, tidak kira yang tua ataupun yang muda. Kakitangan di Pusat Hubungan Pelanggan kami dilatih untuk menjawab sebarang pertanyaan dan menyelesaikan kemusykilan berkaitan produk dan perkhidmatan BSN. Matlamat utama mereka ialah memberikan bantuan serta memastikan sebarang pertanyaan oleh pelanggan dijawab dengan penuh berhemah. Setakat ini, Pusat Hubungan BSN telah mencapai kadar kepuasan pelanggan sebanyak 72%.

Serving Malaysians young and old, BSN Contact Centre has been established to provide friendly support for all our customers. Our contact centre staff are trained to handle enquiries and resolve issues involving BSN's products and services. Their goal – to provide effective support and ensure peace of mind for our customers. To date, BSN's Contact Centre has achieved 72% satisfaction rate.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional komited untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dan memegang kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat Pengarah untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP) (BNM/RH/GL 005-4).

A) LEMBAGA PENGARAH

Lembaga kini dianggotai sembilan (9) orang Pengarah susulan daripada pelantikan tiga (3) orang Pengarah baharu pada Februari, Jun dan Oktober 2017. Komposisi Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada lapan (8) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Pengarah Eksekutif ialah Ketua Eksekutif BSN. Kesemua pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap pengarah dimuatkan dalam laporan ini.

Pelantikan kesemua pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam BNM/RH/GL 005-4.

Lembaga mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya pada setiap bulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi Bank. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting sekiranya perlu. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 15 kali. Kehadiran-pengarah adalah seperti berikut.

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional is committed to upholding the principles of Corporate Governance and subscribes to Bank Negara Malaysia's Guidelines on Corporate Governance Standards on Directorships for Development Financial institutions (BNM/RH/GL 005-4).

A) BOARD OF DIRECTORS

The Board of Bank Simpanan Nasional (BSN) currently has nine (9) directors following the appointment of three (3) new directors in February, June and October 2017, out of which eight (8) are Non-Executive Directors. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each director is briefly described in this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under BNM/RH/GL 005-4.

The Board of Directors meet at least once a month to consider financial matters, strategy and policies as well as monitor the overall performance of the Bank. Special Board meetings were also convened to consider urgent business as and when required. During the financial year ended 31 December 2017, the Board met 15 times. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah (<i>Pengerusi/Chairman</i>) <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Non Independent</i>	15/15
2	Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir (<i>Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman</i>) <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Non Independent</i>	12/15
3	Datuk Adinan Maning <i>Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non Independent</i> <i>*(Tamat perkhidmatan pada 30 November 2017/Term ended on 30 November 2017)</i>	10/10
4	Datuk Yunos Abd Ghani <i>Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non Independent</i> <i>** (Dilantik pada 1 Disember 2017/Term starts on 1 December 2017)</i>	1/1
5	Encik Alex Foong Soo Hah <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i>	13/15
6	Encik Md Tajuddin Md Isa <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i>	15/15
7	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>** (Dilantik pada 6 Februari 2017/Term starts on 6 February 2017)</i>	14/14
8	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i>	15/15
9	Tuan Haji Selamat Sirat <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>** (Dilantik pada 14 Jun 2017/Term starts on 14 June 2017)</i>	9/9
10	Professor Dr Rozainun Hj Ab Aziz <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>** (Dilantik pada 19 Oktober 2017/Term starts on 19 October 2017)</i>	4/4

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
11	Encik Ramesh Pillai <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>** (Tamat perkhidmatan pada 21 April 2017/Term ended on 21 April 2017)</i>	4/4

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.

** Refers to the number of meetings attended from the date appointment.

B) JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Terdapat empat (4) jawatankuasa yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab – Audit dan Pemeriksaan, Pengurusan Risiko, Pencalonan dan Saraan.

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) ialah untuk mengkaji kedudukan kewangan Bank, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan kemudian menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JAP adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JAP tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JAP juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara Bank dan pengurusan kecairan Bank keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;

B) COMMITTEES

There are four (4) Board Committees established to assist the Board in discharging its duties and responsibilities namely the Audit and Examination Committee, Risk Management Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee.

AUDIT AND EXAMINATION BOARD COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Audit and Examination Committee (AEC) is to review the financial condition of the Bank, its internal controls, performance and findings of the internal auditors, and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the AEC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies, and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss account for submission to the full board of directors and ensure the prompt publication of annual accounts;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend action to be taken by management. The reports of internal auditors and AEC should not be subject to the clearance of the Chief Executive or Executive Director. The AEC should also evaluate the performance and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of the internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of the Bank;
- The AEC should evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Mengkaji semula dengan Juruaudit Luar bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli audit serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;
- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
 - andaian perniagaan berterusan;
 - pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
 - perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
 - isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit;
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit luar tanpa pembabitian pihak pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari Juruaudit luar serta jawapan dari pengurusan;
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Bank atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan;

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2017 JAP telah bermesyuarat sebanyak 22 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari	22/22
2	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim	17/17*
3	Encik Md Tajuddin Md Isa	14/15*
4	Encik Alex Foong Soo Hah	18/20
5	Tuan Haji Selamat Sirat	9/10*
6	Professor Dr Rozainun Hj Ab Aziz	2/2*
7	Encik Ramesh Pillai	6/6**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan ke Jawatankuasa tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment to the Committee ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan ke Jawatankuasa.

** Refers to the number of meetings attended from the date appointment to the Committee.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) ialah untuk menyelia aktiviti pengurusan risiko dalam mengurus bahagian risiko utama Bank dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

- Review with the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by management and its staff to the auditors and any findings and actions to be taken;
- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
 - continuous business assumptions;
 - compliance to accounting standard and legal requirements;
 - changes in policy and accounting practices;
 - important issues and extraordinary matters which arise from the audit process;
- Discuss any issues and reservations raised by the external auditor from the interim and final audits, as well as any matter which the external auditors may wish to discuss (in the absence of the management or when necessary);
- Review the contents of the management letter issued by the external auditors as well as management's responses thereto;
- Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in the Bank or within the group including any transaction, procedure or conduct that raises questions of the management's integrity.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The AEC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2017, the AEC met 22 times. The attendance recorded for the members of the AEC is as follows:

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the senior management's activities in managing the key risk areas of the Bank and to ensure that the risk management process is in place and functioning effectively.



2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk keseluruhan risiko berkaitan aktiviti BSN.
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2017, JLPR telah bermesyuarat sebanyak 11 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim	9/9**
2	Encik Alex Foong Soo Hah	11/11
3	Encik Md Tajuddin Md Isa	9/9**
4	Tuan Haji Selamat Sirat	4/5**
5	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari	7/7**
6	Professor Dr Rozainun Hj Ab Aziz	2/2**
7	Encik Ramesh Pillai	4/4*

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan ke Jawatankuasa tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment to the Committee ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan ke Jawatankuasa.

** Refers to the number of meetings attended from the date appointment to the Committee.

JAWATANKUASA PENCALONAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Pencalonan (JP) ialah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan tulus berkaitan perlantikan ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan utama dan menilai keberkesanan setiap pengarah. Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulating strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommending appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Reviewing the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promoting an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensuring that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Reviewing management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulating business continuity plans.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BRMC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2017, the BRMC met 11 times. The attendance recorded for the members of the BRMC is as follows:

NOMINATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Nomination Committee (NC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and key senior officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and key senior officers.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JP adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga dari segi jumlah sepatutnya dan kemahiran, keseimbangan antara pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama melalui kajian semula tahunan.
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga, mereka yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perantaraan semula sebelum permohonan untuk kelulusan diserahkan kepada BNM.
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga dan prestasi Ketua Eksekutif.
- Menyarankan kepada Lembaga mengenai penyingkiran pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab.
- Memastikan semua pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan.
- Menyelia perantaraan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi eksekutif kanan dan mengesyorkan kepada Lembaga mengenai penyingkiran mana-mana eksekutif kanan yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk 2017 JP telah bermesyuarat sebanyak 9 kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah	1/1*
2	Datuk Adinan Maning	4/9
3	Encik Md Tajuddin Md Isa	9/9
4	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari	9/9
5	Encik Alex Foong Soo Hah	6/9
6	Tuan Haji Selamat Sirat	5/5**
7	Professor Dr Rozainun Hj Ab Aziz	1/1**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan ke Jawatankuasa tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment to the Committee ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan ke Jawatankuasa.

** Refers to the number of meetings attended from the date appointment to the Committee.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the NC are as follows:

- Establishing minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive Directors, Non-Executive and Independent Directors, and mix of skills and other core competencies required, through annual reviews.
- Recommending and assessing the nominees for directorship, the directors to fill Board committees, as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing directors and the Chief Executive proposed for reappointment, before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia.
- Establishing a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the board as a whole, the contribution by each director to the effectiveness of the Board, the contribution of the board's various committees and the performance of the Chief Executive.
- Recommending to the Board on removal of a Director/Chief Executive if he is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities.
- Ensuring that all directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training; and
- Overseeing appointment, management succession planning and performance evaluation of key senior officers, and recommending to the board the removal of key senior officers if they are ineffective, errant or negligent in discharging their responsibilities.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The NC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2017, the NC met 9 times. The attendance recorded for the members of the NC is as follows:

JAWATANKUASA SARAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Saraan (JS) ialah untuk menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JS adalah seperti berikut:

- (i) Mengesyorkan rangka imbuhan untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:
 - didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga penuh. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan Lembaga;
 - menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul pengarah individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif kanan utama;
 - lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan;
 - wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.
- (ii) Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Pakej berkenaan patut:
 - Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga penuh;
 - Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan utama;
 - Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu;
 - Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali. Untuk 2017 JS telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1	Encik Md Tajuddin Md Isa	4/4
2	Encik Alex Foong Soo Hah	3/4
3	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari	4/4
4	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim	4/4

REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Remuneration Committee (RC) is to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and key senior officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the BSN's culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the RC are as follows:

- (i) Recommending a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration policy should:
 - be documented and approved by the full board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the full board;
 - reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and key senior officers;
 - be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and key senior officers of caliber needed to manage BSN successfully; and
 - be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to subsidise excessive remuneration packages.
- (ii) Recommending specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and key senior officers. The remuneration packages should:
 - be based on an objective consideration and approved by the full board;
 - take due consideration of assessments of the nominating committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive or key senior officers concerned;
 - not be decided by the exercise of sole discretion of any one individual or restricted group of individuals; and
 - be competitive and is consistent with the BSN's culture, objective and strategy.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The RC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2017, the RC met 4 times. The attendance recorded for the members of the RC is as follows:

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Selaras dengan prinsip dan peraturan tadbir urus risiko, pihak Bank mempunyai Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) yang memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah bagi menyelia dan mengawasi pengurusan risiko Bank. JLPR menjalankan fungsi sokongan pengawasan dalam memastikan objektif korporat Bank disokong oleh strategi dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan yang sesuai dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka kerja pengurusan risiko Bank telah direka untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang terkawal dan kukuh. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko-risiko yang berkaitan dalam bidang risiko kredit, risiko operasi, risiko pasaran dan risiko ketidakpatuhan Syariah.


Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC) dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO) bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, polisi risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. MRC bertanggungjawab dalam menyelia pembangunan dasar polisi-polisi berkaitan pengurusan risiko berkaitan bagi mengurus sesuatu aktiviti perniagaan Bank dan kecukupan sistem dan proses yang menyokong fungsi pengurusan risiko. ALCO pula bertanggungjawab untuk menyelia kecukupan dan pendedahan risiko aset dan liabiliti komposisi Bank, serta keperluan pembiayaan dan kecairan.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has the Board Risk Management Committee (BRMC) at the board-committee level providing oversight support on behalf of the Board of Directors on the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. The framework sets out the Bank's approach in identifying, assessing, monitoring and reporting of all relevant and material risks in the areas of credit risk, operational risk, market risk and Shariah non-compliance risk.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities are consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. MRC is responsible in overseeing the development of relevant risk and internal controls policies that are essential in managing the business activities of the Bank and the adequacy of system and processes supporting the risk management function. On the other hand, ALCO is responsible to oversee the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.

STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO/RISK GOVERNANCE STRUCTURE



FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

Berasaskan penakrifan risiko sebagai "halangan dan ketidaktentuan yang dihadapi dalam usaha mencapai sesuatu objektif (sasaran)", falsafah pengurusan risiko ke atas aktiviti perniagaan BSN adalah bersandar pada dua pendekatan utama:

1. Pemilikan Kolektif – pengurusan risiko adalah tanggungjawab semua peringkat Bank.
2. Tanggungjawab Bersama – semua jabatan dan fungsi Bank adalah bertanggungjawab dalam menguruskan semua bentuk risiko.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

Defined as "hurdles and uncertainties faced towards the achievements of objectives", risks associated with BSN's business are managed through the following two key philosophical approaches, namely:

1. Collective Ownership – i.e., management of risks of the Bank is a collective ownership across the Bank's strata.
2. Collective Responsibility – i.e., all departments and functions of the Bank are responsible to manage the associated risks across the spectrum.

Falsafah asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa SEMUA aktiviti harus dijalankan secara optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan/ pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, tindakan pengimbangan juga haruslah selaras dengan struktur pentadbiran yang terbaik dari industri seiring dengan kepatuhan pengawalseliaan dari pihak berkuasa dan keperluan Syariah; dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah berasaskan dan dikawal oleh Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bersandarkan pada falsafah asas ini, Bank telah mengamalkan konsep “tiga peringkat pertahanan”, di mana risiko yang ada adalah dikendalikan oleh semua fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

The basic philosophy of the Bank's risk management is that ALL of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth/return goals against the related risks. At the same time, the balancing act must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Shariah requirements, and achieving its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Shariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of three lines of defence, where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

Tumpuan Masa Nyata Real Time Focus	Pertahanan Peringkat Pertama First Line of Defence	- Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/polisi & amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. - Embedding risk management framework/policies & sound risk management practices into standard operating procedures. - Bertanggungjawab untuk memantau & menilai risiko & kawalan. - Responsible & accountable for monitoring & assessing risks & controls. - Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. - Ensuring staff have appropriate skills and training.	Unit-unit Perniagaan/ Sokongan Business Units/ Support Units
Tumpuan Masa Nyata & Kajian Real Time & Review Focus	Pertahanan Peringkat Kedua Second Line of Defence	- Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, sistem, dan proses. - Develop risk management framework, policies, system, processes and tools. - Menyokong unit-unit peringkat pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko dalam Bank. - Support 1st line of defence units in embedding risk management culture in the Bank. - Proaktif & reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. - Proactive & reactive to changes in risk environment.	Pengurusan Risiko/Pematuhan Risk Management/ Compliance
Tumpuan Kajian Review Focus	Pertahanan Peringkat Ketiga Third Line of Defence	- Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. - Review effectiveness of the risk management practices. - Mengesahkan tahap pematuhan. - Confirm level of compliance. - Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. - Recommend improvements and corrective actions, where necessary.	Audit Dalam Internal Audit

Figure 1 Risk Management & Compliance

PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan proses-proses pengenalan, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan dan laporan bagi mengoptimalkan pulangan ke atas pembiayaan dan aktiviti pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam menguruskan risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko ketidakpatuhan Syariah disemua fungsi dan jabatan Bank melalui pembentukan polisi risiko, garis panduan, prosedur dan had yang sesuai.

Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang risiko berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting in optimising returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits.

Risk management concentrates on the following key areas:



RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan potensi pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) dalam memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Bank adalah terdedah kepada risiko kredit yang datang daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, mikro, perusahaan kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran yang lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpanduan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan mengikut operasi dan selera risiko Bank.

2. RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada perubahan dalam faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran matawang. Risiko ini mempunyai kesan langsung ke atas pendapatan, serta nilai ekonomi Bank. Risiko kecairan pula ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada ketidakupayaan untuk menjana dana yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan dengan cara yang tepat pada masanya dan kos efektif. Punca biasa risiko ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dalam masa dan nilai aliran masuk dan aliran keluar tunai yang timbul daripada Bank dan pendedahan kepada kunci kira-kira.

1. CREDIT RISK

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from loan and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide business risk appetite, credit risk management function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

2. MARKET AND LIQUIDITY RISK

Market Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the adverse movement in market risk factors namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank. Liquidity Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the inability to generate sufficient fund to meet the financial commitments and obligations in a timely and cost-effective manner. The common source of the risk is attributed to the mismatch in timing and value of inflow and outflow of cash arising from the Bank's on and off-balance sheet exposures.

3. RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan atau proses dalaman yang tidak mencukupi, faktor manusia dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Risiko ini diuruskan melalui proses pengurusan risiko operasi yang telah ditetapkan, pemantauan dan laporan mengenai pematuan unit-unit perniagaan mengikut polisi yang telah dibuat, prosedur dan had oleh unit kawalan dan sokongan bebas, dan pengawasan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah. Kesedaran dalam Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (PKP) adalah sebahagian daripada pembangunan budaya Bank untuk menjadikan setiap kakitangan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka berkenaan dengan BCM sebagai ketersediaan yang berterusan terhadap perkhidmatan kritikal dan penting oleh pihak Bank. Ianya merupakan kunci dalam memastikan keyakinan pelanggan, pematuan peraturan dan melindungi reputasi Bank. Kesedaran yang berterusan tentang BCM diberikan semasa latihan dan Program Pemulihan Bencana/Pelan Kesenambungan Perniagaan bagi menubuhkan anggota pasukan BCM dan operasi perniagaan yang kompeten, berpengetahuan, bermotivasi dan berkebolehan dalam informasi teknologi. Ini akan membantu untuk memastikan tindak balas yang berkesan dalam persediaan kesinambungan perniagaan, kesediaan dan daya tahan sekiranya berlaku sesuatu gangguan terhadap perniagaan.

4. RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Risiko Ketidakpatuhan Syariah ditakrifkan sebagai risiko yang terhasil daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIF) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGF ini adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pengurusan Bank berhubung dengan perkara-perkara Syariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan pematuan dan fungsi penyelidikan Syariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi yang berasaskan Syariah.

BSNSGF telah direka bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- a) Untuk menyatakan struktur tadbir urus, proses dan pengaturan Syariah untuk Bank, bagi memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaan Bank adalah mengikut Syariah;
